

Jilid I
Bil. 4



Hari Jumaat
8hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 261]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 278]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 8hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

Yang Berhormat PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat TUAN LUHAT WAN (Baram).

- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kemping).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

„ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

„ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

YANG TIDAK HADIR

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG HADIR BERSAMA

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Jamaluddin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ALIRAN INFLASI KEPADA BARANG KEPERLUAN HARIAN

1. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada arah aliran inflasi kepada barang-barang keperluan hari-hari, terutama yang berkenaan dengan makanan, telah dapat dikawal, dan jika tidak apakah langkah-langkah lanjut yang sedang diambil bagi mencegah inflasi dengan berkesan sekali.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Belanjawan saya dan Lapuran Ekonomi akan meliputi soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Walau bagaimanapun, saya akan memberikan butir-butir yang akan menjawab soalan ini bagi sementara waktu. Angkatunjuk Harga Pengguna (Consumer Price Index) telah berkurangan dari 24% pada bulan Mac kepada 16.6% pada bulan Ogos. Kenaikan dalam Angkatunjuk Harga Pengguna bagi barang-barang makanan juga kurang dari kadar tahunan sebanyak kira-kira 40% pada bulan Mac tahun ini kepada kira-kira 24% pada bulan Ogos. Kekurangan dalam kadar kenaikan Angkatunjuk Harga Pengguna mencerminkan kesan-kesan akibat dari langkah-langkah anti-inflasi yang diambil oleh Kerajaan setakat ini. Langkah-langkah selanjutnya akan diambil apabila keadaan memerlukannya, dan Ucapan Belanjawan saya akan memberi penerangan yang lebih mengenai perkara ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar baharu-baharu ini gula telah dinaikkan harganya 60 sen sekati, iaitu naik 10 sen sekati atau 20%, akibatnya telah timbul iaitu harga susu telah dinaikkan 10 sen setin. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan Kerajaan telah ambil atau akan ambil supaya akibat

kenaikan harga gula tidak mengakibatkan harga-harga susu dan benda-benda yang menggunakan gula dinaikkan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kenaikan harga gula baharu-baharu ini dan kenaikan harga itu ialah dengan persetujuan Kerajaan, sebab-sebabnya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini mengetahui sebab-sebab terpaksa dilulus dan dibenarkan harga gula itu dinaikkan. Kita sedar dengan kenaikan harga gula itu tentu harga susu dan barang-barang yang berkaitan dengan gula akan naik juga. Ini sebagaimana yang telah diterangkan dalam akhbar-akhbar ialah cara yang tidak dapat dielakkan disebabkan kenaikan harga gula mentah di pasaran dunia yang kita tidak dapat mengelakkannya dan menahannya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa ada kebocoran berkenaan dengan kenaikan harga-harga sebelum pengumuman rasmi dibuat oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kebocoran kenaikan harga-harga sebelum diumumkan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang asalnya adalah berhubung dengan aliran inflasi kepada barang-barang keperluan, saya ingat tidak payah dijawab soalan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar iaitu Kerajaan telah mengumumkan harga susu tidak dinaikkan walaupun harga gula dinaikkan, tetapi seperti saya sebutkan susu telah dinaikkan 10 sen setin. Apakah tindakan Kerajaan akan ambil supaya kita boleh mencegah kenaikan harga susu ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar berkenaan dengan kenaikan harga susu yang kita baca dalam akhbar-akhbar, tetapi sebagaimana yang saya katakan kenaikan harga susu ini setakat ini tidak dengan kebenaran Kerajaan. Kebenaran kenaikan gula sebagaimana saya terangkan tadi ialah dengan kebenaran Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Jika syarikat-syarikat yang membuat susu telah menaikkan harganya dengan tidak diluluskan oleh Kerajaan, bolehkah Menteri yang berkenaan jelaskan apakah tindakan Kerajaan akan ambil terhadap kenaikan harga ini?

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya memberi jawapan terhadap soalan-soalan yang dibuat berkenaan dengan harga susu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sebenarnya, tidak ada kenaikan harga susu sebagaimana yang dilaporkan oleh setengah-setengah pihak sebagaimana dapat kita baca dalam suratkhobar-suratkhabar yang diluluskan oleh Kerajaan. Ada khabar-khabar yang diberitakan bahawa harga susu telah dinaikkan 5 sen. Kita telah membuat penyiasatan di atas perkara ini dan kita tidak ada bukti yang jelas samada dari laporan orang-orang ramai bahawa betul harga susu sudah naik 5 sen. Jadi, sebagaimana juga yang telah dijelaskan harga barang-barang yang dikawal sebagai susu hanya boleh dinaikkan jikalau sekiranya ada kelulusan daripada Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kalau sekiranya ada bukti menunjukkan bahawa satu-satu pihak itu menaikkan harga satu-satu barang yang dikawal itu dengan tidak ada kebenaran, sebagaimana saya kata tadi, tindakan sewajarnya akan boleh diambil di bawah undang-undang yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengakui saya sendiri tidak beli susu, tetapi jururawat saya apabila saya membuat "round" malam tadi, katanya, beliau pergi ke kedai dan beli susu harganya telah dinaikkan 10 sen. Kalau saya menyampaikan nama syarikat itu kepada Menteri yang berkenaan, bolehkah Menteri yang berkenaan siasat perkara ini dengan teliti dan kalau ada kesalahannya mengambil tindakan yang tegas terhadap syarikat itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah memberitahu tadi kalau ada bukti, beritahu kepada beliau.

KEADAAN MELESET (RECESSION) NEGERI-NEGERI PERINDUSTRIAN

2. Tuan Lew Sip Hon minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau ber-setuju keadaan meleset (recession) pada masa sekarang di negeri-negeri perindustrian dan maju dalam dunia ini akan terus hingga ke hujung tahun 1975. Jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau akan adakan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi negara kita yang mungkin berlaku dan akan juga mengakibatkan pengangguran dan kekurangan eksport.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang sangat mustahak yang merupakan salah satu daripada perkara-perkara utama dalam Ucapan Belanjawan saya dan Lapuran Ekonomi Perbendaharaan 1974-1975 yang akan dibentangkan pada 12hb November.

CUKAI JUALAN KEPADA PEMBUAT PAKAIAN

3. Tuan Lew Sip Hon minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa sekarang ini cukai jualan yang dipungut daripada pembuat-pembuat pakaian telah dikenakan dua kali bayaran cukai, iaitu sekali dipungut atas kain-kain dan bahan-bahan atau alat-alat untuk membuat pakaian dan sekali lagi dipungut atas nilai yang ditambah seperti gaji-gaji buruh dan sebagainya (value added). Dengan ini bererti cukai jualan telah dikenakan dua kali. Jika ya, bolehkah pindaan dibuat supaya selaras dengan prinsip cukai jualan yang mana hanya satu peringkat cukai sahaja yang biasanya dibuat (one-stage tax).

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa cara mengenakan cukai jualan itu tidak mengakibatkan cukai dua kali kepada pembuat-pembuat pakaian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, cukai jualan yang dikenakan dalam tahun 1972 adalah satu cukai seperingkat, iaitu cukai itu dikenakan sekali sahaja di atas nilai jualan barang-barang. Bahan-bahan mentah yang digunakan untuk membuat barang-barang adalah dikecualikan daripada cukai. Apabila Akta Cukai Jualan, 1972 berkuatkuasa pada awal tahun itu beberapa rayuan telah diterima daripada pembuat-pembuat pakaian menyatakan

bahawa mereka tidak dapat mengenakan cukai jualan berdasarkan nilai jualan oleh sebab cara perniagaan mereka dan juga kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan mentah untuk membuat barang-barang itu bebas daripada cukai. Untuk memberi bantuan kepada pembuat-pembuat pakaian itu khususnya pembuat-pembuat yang kecil satu keistimewaan khas telah diberi kepada mereka untuk mengenakan cukai jualan hanya atas nilai tambahan dalam membuat pakaian-pakaian, iaitu perbezaan harga di antara harga yang diperolehi dengan harga sebenar bahan-bahan mentah yang digunakan untuk membuat pakaian-pakaian tersebut. Dari itu adalah diperhatikan bahawa cara mengenakan cukai jualan ini mempunyai kesan yang sama dengan mengenakan cukai jualan atas nilai jualan oleh kerana cukai telahpun dikutip atas harga bahan-bahan mentah semasa diimpot. Oleh itu, adalah tidak benar bahawa pembuat-pembuat pakaian dikenakan cukai dua kali.

Mengenai bahagian kedua soalan itu saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa cara mengutip cukai jualan adalah sentiasa dikaji. Ini dibuat bukan sahaja untuk mendatangkan peringkat pematuhan cukai yang lebih tinggi lagi tetapi juga pentadbiran dan pelaksanaan cukai yang lebih baik.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa perbezaan di antara pembuat pakaian yang besar seperti manufacturer dan pembuat pakaian-pakaian yang kecil secara cottage industry di mana di belakang rumah ada barangkali 5-6 orang bekerja. Maka dengan cara mengutip cukai jualan ini akan mengakibatkan pembuat-pembuat pakaian secara cottage industry itu mendatangkan pengangguran (unemployment), sebab dalam cukai yang dijalankan seperti ini adalah satu beban yang besar kepada pembuat-pembuat pakaian itu. Kalau sedar, bagaimanakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sendiri sedar bahawa ada juga pembuat pakaian kecil ini yang mempunyai masalah-masalah berkaitan dengan cukai jualan, kerana beberapa lama dahulu ada juga rombongan-rombongan

daripada pembuat-pembuat pakaian berjumpa saya sendiri berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Satu hasil daripada perjumpaan itu ialah cara yang tadi saya nyatakan bahawa cukai jualan dikenakan atas perbezaan sahaja di antara harga jualan dan harga bahan-bahan mentah. Jikalau mereka boleh dapat bahan-bahan mentah yang dikecualikan daripada cukai-cukai jualan, bolehlah kita beri pengecualian kepada mereka. Saya sanggup jikalau masih ada masalah berjumpa rombongan-rombongan atau wakil-wakil daripada pembuat-pembuat pakaian itu sekali lagi.

JALAN SENTUL— KESESAKAN LALULINTAS

4. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa Jalan Sentul tidak cukup luas untuk lalu-lintas yang lalu di situ dan jika sedar, bilakah jalan tersebut akan diperbesarkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kesesakan lalu-lintas waktu pagi dan selepas waktu pejabat di Jalan Sentul. Dewan Bandaraya sedang mengkaji masalah ini dan akan merancangkan perbaikan jalan ini bersama-sama dengan pembinaan "Northern Route" atau jalan yang menuju ke utara yang dicadangkan itu yang akan menghubungkan Jalan Pahang dan Jalan Ipoh.

Tindakan sedang diambil untuk membina semula dan melebarkan dua jambatan yang ada sekarang di jalan tersebut. Ini akan menyenangkan lalulintas di kawasan tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa di Jalan Sentul ada tanah yang boleh digunakan untuk membesarkan jalan. Apa yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk dan pemandu-pemandu kereta di sana ialah pembesaran jalan itu, bukan membina atau memperbaiki jalan. Oleh sebab itu, bolehkah Menteri yang berkenaan siasat perkara ini supaya pembesaran jalan ini boleh dibuat dan tidak membuang masa lagi?

Datuk Ong Kee Hui: Seperti kata saya tadi, meluaskan jalan itu tidak timbul. Masaalah yang besar kesesakan itu ialah jambatan-jambatan di jalan itu hendak dibesarkan juga.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberi keterangan atas jalan-jalan di kawasan Kepong di antara Batu 5 Ipoh Road sampai Kepong Baru? Di sana jalan tidak cukup luas untuk kereta-kereta di dalam kawasan Kepong (Parlimen) juga. Saya minta Menteri yang berkenaan adakah satu rancangan baru untuk membuat jalan baru di sana.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan baru dan lain daripada soalan yang asal.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— SISTEM PARIT/PEMELIHARAAN KESIHATAN/JALANRAYA

5. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa sistem parit, pemeliharaan kesihatan dan jalanraya dikebanyakan kampung-kampung baru dalam negara ini adalah tidak mencukupi; jika ya, bilakah beliau bercadang hendak memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sistem parit, pemeliharaan kesihatan dan jalanraya di kebanyakan kampung-kampung baru dalam negara ini adalah tidak mencukupi. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kedua, grant sebanyak \$3 juta telah diuntukkan tiap-tiap tahun bagi maksud tersebut dan bagi memperbaiki keadaan penghidupan di kampung-kampung baru amnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa \$3,000,000 langsung tidak mencukupi untuk beratus-ratus kampung baharu di tanahair kita. Kalau wang itu tidak mencukupi untuk kampung-kampung baharu di Selangor—di kawasan saya, saya tidak tahu samada Setiausaha Parlimen sedar ada suatu kampung baharu yang dinamakan Jinjang dan Jinjang ialah

kampung baharu yang paling besar di seluruh tanahair kita dan jalan di sana tidak mencukupi, parit langsung tiada.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya kepada beliau iaitu \$3,000,000 lebih yang disebutkan oleh beliau langsung tidak mencukupi untuk tujuan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu satu kenyataan sahaja. Soalnya apa?

Dr Tan Chee Khoon: Soalnya tidak cukup, jadi saya hendak sertanya soalan yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahannya ialah \$3,000,000 yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi langsung tidak mencukupi, dan apakah tindakan Kementerian-nya akan ambil supaya menambahkan perbelanjaan itu atau peruntukan itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu baharu soalan tambahan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$3,000,000 bagi tiap-tiap tahun itu adalah merupakan bantuan bagi memperbaiki sistem-sistem parit dan seumpamanya yang terdapat dalam kawasan kampung-kampung baru itu. Kementerian ini sedar mungkin barangkali peruntukan itu tidak mencukupi, tetapi ini adalah berasas kepada keadaan yang ada sekarang ini.

RAPAT UMUM DAP DI MELAKA— PENGHARAMAN POLIS

6. Tuan Ngan Siong Hing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan sebab-sebab pengharaman Polis dikenakan atas Rapat Umum DAP yang dijangka berlangsung di Padang Hilir, Melaka pada hari Sabtu, 12hb Oktober, 1974; dan menerangkan apa sebab-sebab “keselamatan” yang terlibat dalam pengharaman Polis atas rapat umum itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan bahawa pada ketika ini negara berada di dalam keadaan yang sangat berkehendakkan ketenteraman dan stabiliti supaya dapat kita menumpukan keseluruhan tenaga menghadapi pembangunan apa lagi di dalam suasana apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong "stagflasi" maka adalah difikirkan lebih baik dan lebih munafaat untuk rakyat dan negara, kita mengurangkan aktiviti-aktiviti yang dianggap "unproductive" yang mungkin boleh mengapi-apikan keadaan merosakkan ketenteraman. Oleh yang demikian, berhubung dengan soalan ahli Yang berhormat itu, adalah diberitahu bahawa pihak kerajaan telah memutuskan buat sementara ini rapat umum di tempat-tempat terbuka kepada awam (public places) oleh apa jua parti politik tidak akan diizinkan melainkan dalam masa pilihanraya umum atau dalam kawasan pilihanraya kecil waktu pilihanraya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

LESEN IMPOT KERETA

7. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan permit "A.P." tulis yang dikeluarkan kepada firma-firma atau orang perseorangan bagi mengimpot kereta-kereta ke Malaysia pada tahun 1973 dan 1974. Apakah "kriteria" atau dasar pemberian permit A.P. ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut catitan rekod di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pengeluaran lesen-lesen impot kepada firma-firma dan orang-orang perseorangan untuk mengimpot kereta-kereta ialah sebanyak 1,593 buah dalam tahun 1973 dan sebanyak 1,514 unit dalam tahun 1974 (dari bulan Januari hingga Oktober).

Sejak kawalan ke atas pengimpotan kereta-kereta dikenakan pada tahun 1966, lesen-lesen impot hanya dikeluarkan berasaskan kepada quota yang telah diperuntukan. Pertimbangan juga diberi kepada permohonan-permohonan berdasarkan kepada sebab-sebab atau alasan-alasan yang berikut:

- (i) sekiranya tidak ada penyamaan jenis kereta yang diimpot itu dengan yang

ada dipasang oleh syarikat pemasangan-pemasang kereta tempatan;

- (ii) permohonan dari pegawai-pegawai diplomat asing;
- (iii) permohonan dari seseorang pegawai Kerajaan Malaysia yang ditugaskan di luar negeri dan ditukarkan kembali ke Malaysia;
- (iv) permohonan dari pemegang-pemegang permit Jabatan Pengangkutan yang tidak mampu untuk membeli kereta-kereta baru untuk dibuat teksi; dan
- (v) sebab-sebab lain yang kalau perlu difikirkan munasabah diluluskan permohonan-permohonan itu.

Semua permohonan berkehendakkan kelulusan Menterinya sendiri.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Tadi kita dapat tahu jawapan dari Yang Berhormat Menteri mengenai permit A.P. yang diluluskan oleh Kementerian ini adalah untuk firma-firma dan untuk individuals. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini memberitahu berapa orangkah yang dapat teksi untuk digunakan sebagai teksi dalam semua permohonan A.P. yang diluluskan pada tahun 1974?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dengan serta-merta, kalau tidak diberitahu terlebih dahulu.

Tuan Oh Keng Seng: Sebab saya nampak A.P. yang diluluskan tidak diberikan kepada orang yang menggunakan teksi, tetapi A.P. yang diluluskan untuk orang-orang seperti Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau V.I.P. sahaja. Saya fikir ini disalahgunakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalannya apa?

Tuan Oh Keng Seng: Soalannya ialah saya rasa keputusan ini tidak memuaskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. Apa soalan tambahannya? Tak ada.

SEKOLAH KEBANGSAAN SIALANG, TANGKAK—BINA TANDAS MODEN

8. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa Sekolah Kebangsaan Sialang, Tangkak, Johor yang mempunyai 154 orang murid laki-laki dan perempuan tidak mempunyai tandas dan bilik air semenjak tahun 1968, walaupun telah berkali-kali permohonan membinanya telah dibuat oleh Guru Besar kepada Kementerian Pelajaran;
- (ii) adakah beliau sedar bahawa keadaan ini berlawanan dengan tujuan menjaga kebersihan dan membahaya kepada kesihatan; dan
- (iii) kalau sedar, tidakkah beliau memandang perkara ini sebagai darurat dan perlu mengambil tindakan segera dari sekarang juga membina tandas dan memasukkan air paip di sekolah tersebut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah meminta Jabatan Kerja Raya supaya membina tandas moden dan memasukkan air paip di sekolah ini dengan segera. Untuk maksud ini peruntukan \$10,000 telah dikhaskan.

TANAH SIMPANAN SEKOLAH WAN HWA—PEMAJU PERUMAHAN

9. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa sekeping tanah "SIMPANAN SEKOLAH" yang luasnya kira-kira 3.3 ekar YANG DIPEGANG ATAS AMANAH bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Wan Hwa yang diliputi oleh Pajak Negeri No. 165, Lot No. 46222 telah dijual kepada sebuah firma pembangunan/pemaju perumahan dikenali dengan nama Tetuan Syarikat Poh Heng Development, No. 13, Jalan Bendahara, Ipoh, dengan harga \$50,000 manakala tanah itu bernilai lebih kurang \$300,000.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tanah itu telah dijual kepada Syarikat tersebut dengan harga \$55,000 dan bukan dengan harga \$50,000. Walau bagaimanapun, mengikut cukai Setem

yang dikenakan, taksiran harga tanah tersebut ialah sebanyak \$67,500 dan bukan \$300,000.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah sekolah itu mendapat kelulusan atau mendapat approval dari Menteri Pelajaran sebelum tanah itu dijual kepada pihak swasta?

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran telah meminta Pengarah Tanah dan Galian Perak pada 23hb Ogos, 1974 supaya memelihara tanah yang berkenaan itu iaitu Pajak Negeri No. 165 Lot 46222 sebagai simpanan sekolah. Perkara ini masih lagi dalam tindakan.

GURU-GURU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA

10. Tuan Lew Sip Hon minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa beberapa orang guru di sekolah jenis Kebangsaan China telah ditukar bukannya kerana desakan perkhidmatan (exigencies of service) tetapi ialah kerana tekanan politik semata-mata; jika ya, bolehkah beliau mengatasi perkara tersebut dengan secepat mungkin supaya guru-guru yang terlibat tidak terasa diri mereka dimangsakan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah terlalu umum. Sukalah saya meminta supaya Ahli Yang Berhormat memberikan contoh-contoh dan bukti-bukti yang khusus bahawa pertukaran-pertukaran tersebut adalah kerana tekanan politik dan menyatakan juga aspek politik yang terlibat dan siapa pula yang mendapat faedah politik daripada pertukaran-pertukaran yang demikian.

TV SABAH—ADAKAN DUA SALURAN RANCANGAN

11. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Penerangan:

- (a) adakah dalam rancangan Kerajaan bahawa Talivisyen Sabah akan dapat dua saluran rancangan talivisyen. Jika ya, bilakah rancangan itu akan bermula;
- (b) adakah dalam rancangan Kerajaan juga hendak menambahkan masa penyiaran Talivisyen Sabah seperti mana yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Jika ya, bilakah rancangan itu akan bermula; dan

- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa rancangan-ancangan kebudayaan negeri-negeri Sabah dan Sarawak sangat kurang ditunjukkan di Talvisyen Semenanjung Malaysia dan apakah daya usaha Kerajaan hendak menggalakkan pertunjukan ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini Kementerian Penerangan belum ada lagi rancangan untuk mengadakan 2 saluran TV Malaysia Kota Kinabalu.
- (b) Memang ada rancangan untuk menambahkan masa siaran TV Malaysia Kota Kinabalu dan tambahan masa siaran ini akan disesuaikan dengan siaran serentak TV Malaysia yang akan dilaksanakan pada tahun 1975.
- (c) Kerajaan memang sedar tentang masalah ini. Usaha-usaha sedang dipergiatkan untuk menambahkan lagi rancangan-rancangan kebudayaan daripada negeri Sabah dan Sarawak. Masalah utama yang dihadapi sekarang ialah kekurangan kakitangan-kakitangan yang terlatih.

PEKERJA KILANG LETRONIK DIBUANG KERJA

12. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pekerja yang telah dibuang kerja dari kilang-kilang letronik di Semenanjung Malaysia sehingga pada 15hb Oktober, 1974; dan
- (b) apa persediaan pekerjaan pilihan (alternative employment arrangements) telah dibuat bagi mereka oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan pekerja-pekerja yang dibuang kerja dari kilang-kilang letronik di Semenanjung Malaysia setakat 15hb Oktober, 1974 ialah 141.
- (b) Lebih kurang 30 pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja telah mendaftarkan diri mereka di pejabat pekerjaan tempatan di Bayan Lepas dan telah mendapat pekerjaan lain, sementara yang lain-lain itu pula telah meninggal-

kan kawasan tersebut dan pulang ke kampung-kampung mereka masing-masing.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan berniat mengadakan satu tabung khas untuk membantu pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain. Saya minta notis.

PROJEK TARAF PERINTIS

13. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah projek-projek yang telah diberikan taraf perintis dalam masa Rancangan Malaysia Kedua ini dan nyatakan bilangan projek bagi setiap Negeri.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Kedua di dalam tahun 1971 hingga 1974, sejumlah 619 projek telah diberi kelulusan bertaraf perintis. Projek-projek yang diluluskan itu mengikut Negeri adalah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan	...	...	31
Johor	...	...	66
Kedah	...	...	30
Kelantan	...	...	5
Melaka	...	...	39
Negeri Sembilan	...	...	28
Pahang	...	...	19
Pulau Pinang	...	...	113
Perak	...	...	54
Perlis	...	...	2
Sabah	...	...	19
Sarawak	...	...	25
Selangor	...	...	161
Trengganu, dan	...	...	7
Projek yang tidak dipastikan lagi di mana kilang-kilang ini akan ditempatkan	...	...	20
Jumlah	...	...	619

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Daripada jumlah projek yang telah diberikan pioneer status ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu jumlah modal di-projek-projek ini dan berapa buah projek-projek yang telah mengeluarkan hasil hingga sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang sebenarnya, ini berkehendakkan pemberitahuan, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri boleh menjawabnya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya minta notis untuk mendapat butir-butir itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal-soal seperti berapa jumlah dan sebagainya.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (Kepada Tuan Oh Keng Seng) Apabila Yang di-Pertua bercakap, Ahli terpaksa duduk.

Tuan Oh Keng Seng: Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apabila bertanya berkenaan dengan angka-angka dan bilangan berkehendakkan notis iaitu pemberitahuan supaya dapat diberi jawapan di sini.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri boleh beritahu jumlah projek-projek, beliau patut boleh beritahu jumlah modal dan bila factori-factori itu mengeluarkan hasil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jumlah projek sudah tahu kerana pertanyaan sudah ada lebih dahulu. Kalau ditanya modal dalam soalan itu beliau akan jawab modal. Tidak ada pertanyaan tentang modal bagaimana beliau hendak jawab tentang modal?

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor: Soalan tambahan. Daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bahawa nyatalah ada beberapa buah negeri, terutama sekali di Semenanjung Malaysia yang nampaknya terangat kurang projek-projek didirikan di negeri yang tersebut. Bolehkah Menteri yang berkenaan menyatakan di Dewan ini langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan untuk menggalakkan pihak-pihak yang berkenaan mendirikan projek-projek di negeri-negeri yang pada masa ini sangat berkurangan projek-projek ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan perkara ini dalam ucapannya berkenaan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mana Ahli Yang Berhormat menyatakan kurang sangat projek seumpama ini di kawasan Besut. Saya suka menyatakan di sini bahawa masalah samada satu-satu negeri itu boleh dapat satu-satu projek taraf perintis atau tidak dan banyaknya projek-projek itu bergantung banyak kepada Kerajaan Negeri. Kalau sekiranya Kerajaan Negeri tidak bergerak, terutamanya mengadakan satu kawasan reserve diistiharkan sebagai kawasan perindustrian. Jikalau sekiranya kerajaan-kerajaan negeri tidak membawa cadangan-cadangan bagi satu-satu perindustrian ini yang sesuai dengan keadaan tanah dan perkara-perkara lain dalam negeri itu, maka sudah tentulah negeri yang berkenaan itu tidak mendapat projek banyak sebagaimana yang boleh kita saksikan dalam list ini menunjukkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang cergas di dalam perkara ini telah mendapat projek seumpama ini yang begitu banyak.

KEMALANGAN JALANRAYA

14. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa kemalangan jalanraya nampaknya kian menjadi-jadi akibat cuai dan tidak mengindahkan peraturan lalulintas terutama oleh pemandu-pemandu lori, teksi dan motosikal apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan kemalangan tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang berikhtiar dengan berbagai cara untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya yang berlaku di negara kita.

Mengenai perkara ini usaha-usaha telahpun dibuat untuk membuat beberapa pindaan Akta Lalulintas mengikut Akta A/164/73 yang bertujuan untuk mencegah kenderaan-kenderaan dari melakukan kesalahan-kesalahan dan mengenakan denda yang lebih berat kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan lalulintas.

Pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sentiasa bekerjasama dalam kegiatan-kegiatan penguatkuasaan. Tindakan juga sentiasa diambil dari masa ke semasa untuk menjalankan tindakan kuatkuasa dengan menambah bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa, kenderaan-kenderaan ronda polis dan kelengkapan-kelengkapan radar dan juga membina alat-alat penimbang lori berat yang lebih besar.

Kementerian saya juga sedang mengkaji soal menaikkan taraf ujian memandu bagi penguji-penguji (tester) dan jurulatih-jurulatih (instructor) sekolah memandu. Berhubung dengan ini Kementerian saya sedang bekerjasama rapat dengan pihak Tentera, Polis dan Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mengadakan satu taraf yang tinggi bagi melatih penguji-penguji pemandu dan untuk mengenakan syarat-syarat ke atas "jurulatih-jurulatih sekolah memandu".

Usaha-usaha juga dibuat untuk memberi keutamaan bagi memperbaiki jalan yang bengkok-bengkok, selekoh yang merbahaya dan permukaan-permukaan jalan yang licin dan meluaskan jalanraya-jalanraya yang sempit. Ini adalah difikirkan perlu oleh kerana pada hitung panjang kenderaan-kenderaan di jalanraya kita bertambah lebih daripada 10% tiap-tiap tahun.

Di samping itu Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia akan terus memperhebatkan kempen keselamatan jalanraya untuk memberi kesedaran pada pengguna-pengguna jalanraya terutamanya kepada pemandu-pemandu kenderaan perusahaan dan teksi. Kementerian saya percaya bahawa Kempen Keselamatan Jalanraya yang dijalankan itu ada memberi faedah kepada orang ramai. Saya juga percaya usaha-usaha patut terus dijalankan bagi mengingatkan orang ramai akan betapa mustahaknya mereka mematuhi kaedah-kaedah lalulintas dan panduan jalanraya. Jika mereka tidak diberi ingatan ini, kemalangan dan kematian yang sia-sia itu akan terus berlaku dengan berleluasanya. Walau bagaimanapun, memperluaskan ataupun memperbaiki jalanraya dan lain-lain tindakan kuatkuasa saja tidak mencukupi. Apa yang mustahak ialah kerjasama dari orangramai untuk memahami tujuan-tujuan Kempen Keselamatan Jalanraya yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia.

Dengan itu sukalah saya merayu kepada orang ramai supaya memberi kerjasama mereka terhadap kegiatan-kegiatan kempen yang dijalankan itu.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kempen-kempen jalanraya dan sebagainya yang dijalankan dalam negeri ini dan memandangkan bahawa setengah daripada pemandu-pemandu kenderaan, terutama sekali bas-bas dan lori-lori tidak memperindahkan peraturan-peraturan jalanraya, dengan sebab itu adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak mengadakan atau berusaha bagi mengadakan pasukan trafik yang tidak beruniform untuk memerangkap pemandu-pemandu yang saya sebutkan tadi?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Penguatkuasa dalam Pejabat Pengangkutan adalah sedang menjalankan tugas ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat". (7hb November, 1974).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada masa Majlis ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah berucap selama 3 minit. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya.

Perbahasan disambung semula.

3.12 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada petang semalam, sebagaimana saya maklumkan bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Barisan Nasional telah mendapat sokongan daripada segenap lapisan rakyat, bahkan pada pendapat saya bukanlah sahaja daripada rakyat umum atau Parti Barisan Nasional sendiri, saya yakin pihak-pihak parti lawan mengakui akan kebenaran kekuatan Barisan Nasional sebagai satu alasan yang mana Parti Barisan Nasional telah menang tanpa bertanding sebanyak 47 kerusi. Ini menunjukkan parti-parti lain mengakui kalau mereka masuk pun di kawasan-kawasan yang berkenaan, sudah tetap mereka akan kalah. Ini bererti Parti-parti Barisan Nasional bukanlah calunnya gagah ataupun kuat, tetapi penyokong-penyokongnya amat baik.

Di samping itu, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri-menteri yang mana saya dapat tahu bekerja dengan begitu susah-payah. Kalaulah ada lawatan-lawatan mereka terpaksa melawat pada hari-hari minggu; hari Sabtu dan Ahad bagi Perlis dan Kedah. Ini menunjukkan bahawa Menteri-menteri hari ini bekerja dengan tidak memilih cuti. Kita mengucapkan syabas kepada pihak yang berkenaan. Tetapi sebagaimana yang saya kata pada petang semalam walau bagaimana baik sekalipun, tentulah ada kekurangan-kekurangan yang patut diatasi. Maka inilah pendapat saya yang saya syurkan untuk mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini hampir Hari Raya Aidilfitri telah menjadi suatu kejadian iaitu kekurangan gula. Sekarang kita menghadapi dua masalah. Yang pertama, masalah inflasi iaitu harga barang naik, dan yang satu lagi masalahnya ialah barangnya tidak ada. Kalau barang naik, kita boleh beli—bagi orang yang ada wang, tetapi bila barang itu tidak ada, sebanyak mana ada wang pun tidak berharga. Saya merasa amat sedih tentang harga naik itu mengikut keadaan alam. Saya tidak bimbang atau saya tidak menegur apa-apa atas sikap Kerajaan. Sebelum harga gula naik 60 sen sekati dicari di merata kedai tidak ada gula, tetapi sebaliknya bila gula

sudah naik 60 sen sekati iaitu 10 sen lebih daripada harga biasa, gula dengan sertamerta ada. Jadi bila saya fikir rupa-rupanya pihak swasta ataupun peniaga ataupun yang mengontrol barang-barang yang berkenaan bukanlah sahaja kepada rakyat umum diperbodohkan, bahkan kepada Kerajaan juga dibodohkan iaitu barang-barang itu disimpan. Dengan sebab saya berkata begitu, kita sama-sama tahu bahawa Kerajaan telah menitikberatkan iaitu tidak boleh menyimpan barang dengan mengenakan berbagai-bagai denda. Tetapi bila harga gula naik sebagaimana yang saya katakan tadi maka dengan sertamerta ada gula. Bila harga naik maka gula dijadikannya sertamerta. Ini mustahil atau gula boleh dikilang dengan sertamerta. Benda ini tentulah disimpan oleh pihak yang berkenaan. Maka dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pihak yang berkenaan, tetapi bukanlah gula sahaja bahkan kepada minyak tanah, petrol dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas Pengerusi L.P.N. (Lembaga Padi dan Beras Negara) di mana di masa yang lepas biasa berlaku tentang harga beras naik, harga padi turun. Tetapi dengan tertubuhnya L.P.N. maka boleh dikatakan harganya seimbang. Walaupun harga beras naik, tetapi petani-petani tidak teraniaya. Harga padi sudah naik lebih dan sebelum daripada itu kerap kali ada satu golongan yang tertindas. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat bahawa barang-barang yang menjadi keperluan hari-hari seperti gula, minyak tanah dan sebagainya patutlah Kerajaan menubuhkan suatu Lembaga yang saya cadangkan dengan nama L.K.N. (Lembaga Keperluan Negara). Apa yang difikirkan perlu bahawa Kerajaan hendaklah menubuhkan suatu Lembaga . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebutkan nama rengkasnya semula.

Tuan Shaari bin Jusoh: L.K.N. (Lembaga Keperluan Negara) secara rengkasnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda mengucapkan tahniah kepada kita Wakil Rakyat, di atas ucapan Baginda itu kita ucapkan terima kasih dan kita akan bekerja sebaik-baik yang kita boleh. Saya percaya tiap-tiap Wakil Rakyat bekerja dengan begitu kuat melawat

ke kampung dan sebagainya, tetapi bila kita melawat, rakyat biasanya selain daripada mereka hendak berjumpa Wakil Rakyat, mereka ada satu hajat, bukan minta wang daripada kita walaupun derma yang mereka hajati, tetapi projek pembangunan, mereka hendakkan letrik, mereka hendakkan jalanraya dan sebagainya, maka Wakil Rakyat berjanji mendesak Kerajaan dan Menteri-menteri kita. Katakanlah mereka berjanji tahun hadapan, maka itulah juga yang dijanjikan oleh Wakil Rakyat. Kalau tahun hadapan tidak sampai Wakil Rakyat dicapnya pembohong.

Yang kedua, kadang-kadang projek yang hendak dijalankan tidak kena pada masa, katakanlah projek jalanraya, jalan-jalan kecil kadang-kadang wang diberi pada bulan 9 atau bulan 10, bulan-bulan itu adalah musim hujan. Apatah lagi di Kelantan, saya pun tidak tahulah projek di Kelantan. Masa hujan bukan sahaja batu kecil bahkan batu tembok dibawa oleh air hujan. Dengan sebab itu, saya berharap kepada pihak yang berkenaan beri pada masa yang sesuai.

Di Perlis yang menjadi masaalah ialah negerinya kecil, 316 batu persegi Wakil Rakyat Parlimen dua, satu Kawasan Arau dan yang kedua Kangar, dahulu Kawasan Utara dan Selatan. Rancangan Kerajaan amatlah banyak, Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak boleh nafikan dan itu juga yang dikatakan oleh rakyat negeri Perlis, tetapi masih ada benda-benda yang kekurangan, yang menjadi masaalah yang besar ialah letrik. Ada kampung mendapat letrik dan ada yang tidak mendapat letrik, sedangkan satu kampung dengan satu kampung amatlah berdekatan. Jadi kalaulah seperti negeri lain seperti Pahang, saya tidak kata tidak payahlah beri kepada negeri Pahang ataupun Perak, tetapi Perlis negerinya kecil misalnya Batu 4 ada letrik, Batu 5 tak ada, kadang-kadang Batu 6 pula tiada. Jadi orang tengok anih sangat. Jadi telah menjadi adat kepada manusia. Kalau dia teragak-agak boleh atau tak boleh, seperti dalam Bulan Puasa dekat dengan pukul 6.00 itu boleh makan atau tidak boleh makan; ini satu perassan. Bahkan, saya berpendapat apa pun antara hendak dapat dengan tidak dapat, ini adalah satu benda yang dikehendaki sangat. Rakyat negeri Perlis berhajat sangat, kerana boleh dikatakan banyak yang sudah dapat, sedikit sangat yang tidak dapat. Inilah yang menjadi suatu masaalah (problem) pada Wakil-wakil

Rakyat. Oleh sebab Perlis sebuah negeri yang kecil maka saya berharap kepada Kerajaan tolonglah istimewa, tambahan pula kita telah mendapat peruntukan selepas letrik dipasang. Ini masaalah yang sangat besar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi hajatnya supaya Perlis itu diterang-benderangkan dengan diberi api letrik dahulu, begitu?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya berpendapat begitu, sebab Negeri itu amat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Soal-Jawab tadi, Yang Berhormat dari Padang Terap dengan Menteri yang berkenaan apabila saya terdengar, saya terkejut. Perlis mengadakan dua projek industri iaitu Kilang Simin dan Gula—Kilang Simin dalam proses dan kilang gula sedang dijalankan.

Negeri Selangor, saya dapat tahu sebentar tadi dari Menteri yang berkenaan mengadakan 100 buah projek, sedangkan Perlis hanya ada dua projek. Saya dukacita mendengarnya. Saya berharap pada Kerajaan tolonglah ikhtiarkan apa-apa yang ada projek untuk negeri Perlis, apa sahaja yang difikirkan perlu, kerana Perlis ialah sebuah negeri yang kecil dan miskin pula tambahan pula kekurangan wang. Saya biasa mendengar daripada salah seorang Menteri berkata pada saya (saya tidak payah sebutkan namanya), bahawa sesiapa juga yang menjadi Menteri Besar Negeri Perlis, negeri itu tidak cukup wang—begitulah keadaannya. Jadi setakat hari ini rakyat Perlis dan Kerajaan Perlis termasuk Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis sendiri biasa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat tetapi berilah lagi wang. Kalaulah diberi wang peruntukan yang lebih, rakyat Perlis dan Kerajaan Perlis termasuk Wakil-wakil Rakyat Perlis akan berjalan dengan cukup beres yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gula tadi, ada setengah berkata dengan saya, kalau Encik Shaari bercakap, hendaklah bercakap berkenaan dengan gula. Sesudahnya kilang gula ditubuhkan di Perlis oleh Kerajaan tetapi malangnya gula tidak cukup. Inilah sebagaimana kata orang, ayam di kepok padi mati kelaparan, tempat gula dikeluarkan bahkan gula kadang-kadang tidak

ada. Kita berharap walau macamanapun tidak cukup gula, tolonglah diberi keistimewaan sedikit pada rakyat Negeri Perlis.

Yang kedua, mengenai gaji buruh. Saya bersimpati dengan sikap buruh, kalau hari ini harga barang-barang sudah naik, maka tidak patutlah gaji mereka ditetapkan seperti biasa iaitu \$3.50. Kalau tidak silap saya sudah naik \$3.60, maka patutlah gaji buruh dinaikkan lebih sedikit. Walaupun saya bersimpati juga dengan badan-badan yang berkenaan seperti ladang tebu yang mengeluarkan beratus-ratus juta modal, tetapi kita tahu keuntungan tidak akan diperolehi kalau tidak mendapat kerjasama daripada buruh-buruh yang berkenaan—kepada dua golongan yang berkenaan. Saya berharap patut bertolak-ansur dan bersimpati. Baru-baru ini kita merasa dukacita juga tentang mogok. Mogok sana dan mogok sini. Ini amatlah menyedihkan. Baru-baru ini kita tahu mogok Lembaga Letrik Negara yang hampir-hampir kita tidak dapat menyaksikan Pertandingan Membaca Quran yang mana Tan Sri sendiri menjadi Pengerusi Pertandingan Membaca Quran. Jadi dengan sebab itu saya mengesyurkan kepada Kerajaan, kita latih lebih banyak belia-belie kita sebagaimana Belia Pembina Negara tetapi biarlah cukup mahir, biar mereka tahu. Kalau ada sesebuah badan hendak mogok, mereka boleh mengambil tempat. Jangan kita latih acuh-tak-acuh sahaja, biarlah kita latih dengan cekap supaya mereka boleh mengambil setiap tempat dan kepada badan-badan atau majikan-majikan kita berharap janganlah terlampau mengambil untung yang banyak, kerana atas sikap perbuatan mereka samada majikan ataupun buruh-buruh akan mengakibatkan tidak ketenteraman atau keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sama-sama tahu yang belia kita telah dihantar keluar negeri. Saya berasa syukur kepada Tuhan dan saya dapat tahu bahawa Menteri yang berkenaan telah sedar, tidak akan menghantar lagi ke setengah-setengah negeri yang tidak berpatutan. Ada setengah-setengah belia, kita hantar pergi melawat untuk menjadi contoh kepada belia yang ada di Malaysia, tetapi malangnya apabila mereka ini balik membawa suatu kelakuan yang tidak senonoh. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan bahawa di masa yang akan datang, kalau ada tempat-tempat yang kita akan hantar belia kita, biarlah kita

cari negara-negara yang baik dengan kita dan negara-negara yang boleh memberi contoh kepada belia kita sendiri dan saya berharap, biarlah kita hantar dari berbagai-bagai golongan terutama sekali golongan penulis supaya dapat mereka menulis untuk pengetahuan umum.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

Tuan Shaari bin Jusoh: Dua minit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dua minit tidak boleh, tetapi kalau satu minit untuk menggulung dibenarkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali mengenai Talivisyen. Talivisyen ialah suatu alat untuk kebaikan pada negara kita, tetapi malangnya Talivisyen kita kerap kali menunjukkan—kadang kadang saya ingat seolah-olah kita ini duduk dalam sebuah negeri yang lain. Kerana ceritanya tidak ada cerita lain selain daripada cerita daripada negeri Inggeris. Saya berharap supaya dibanyakkan sedikit cerita dari tanahair dan banyakkan sedikit rancangan-rancangan yang boleh membawa kebaikan seperti pembangunan, pertanian dan sebagainya. Dan kalau boleh, contohilah Rancangan Talivisyen Negeri Thai sendiri yang membanyakkan bahasa Thai walau rancangan dari bahasa apa sekalipun. Saya berasa dukacita bahawa di negeri kita sendiri, kita menggunakan bahasa Inggeris sedangkan Bahasa Kebangsaan kita menjadi bahasa rasmi, seperti dalam Dewan ini. Saya kadang-kadang berasa cukup dukacita. Saya tengok di sini tidak ada seorang pun daripada keturunan orang Inggeris, tetapi kita menggunakan bahasa Inggeris (selain daripada Sabah dan Sarawak, mereka ini baru masuk). Kalau hendak mengikut Peraturan kita, boleh tetapi kalau kita pergi ke negeri Thai, (saya duduk di Kangar berdekatan dengan Negeri Thai) semua orang di sana tahu bercakap bahasa Thai dan mesti bercakap bahasa Thai. Jadi tidakkah boleh kita berbuat begitu, kerana kita berada dalam Malaysia. Saya menyokong perkataan Tuan Yang di-Pertua kelmarin kepada seorang Ahli Yang Berhormat bahawa kebenaran menggunakan bahasa Inggeris, ialah kali yang akhir. Jadi tidak ada benda yang payah. Kalau kita mahu, tiap-tiap benda itu boleh. Kalau bahasa Inggeris

bukan bahasa kita—tidak ada seorang dalam Dewan ini orang Inggeris, semua orang boleh bercakap, apatah lagi ini Bahasa Kebangsaan.

3.28 ptg.

Pengiran Tahir bin Pengiran Patara (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, pada saya, dan di samping itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas lantikan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang baru di Dewan ini. Saya juga bersama-sama turut menyokong usul Ucapan Terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada Dewan yang mulia ini dalam masa sidang ini dibuka dahulu.

Hasrat serta projek-projek yang telah dijelaskan menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat menyedari tentang masalah rakyat terutama sekali mengenai inflasi akibat dari kemerosotan ekonomi dunia di masa ini. Projek-projek yang akan dan sedang diselenggarakan oleh Kerajaan memberi jaminan yang baik masalah rakyat itu dapat diatasi sekiranya ada kerjasama yang penuh dari rakyat semua peringkat dan semua kaum di negeri ini dengan pimpinan yang dinamis oleh Yang Amat Berhormat Tun. Perdana Menteri, saya percaya keadaan inflasi dapat dikawal dengan baik kalau semua golongan, semua peringkat jentera negara berjalan mengikut dasar matalamat termasuk dari golongan Pembangkang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya tidak berniat hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini bagi memberi kesempatan dan peluang kepada Ahli-ahli yang baru untuk memberikan ucapan mereka yang sulung di Dewan ini. Akan tetapi setelah mendengar hujah-hujah dari golongan Pembangkang terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong kemarin, maka saya terpaksa bangun turut memberi penjelasan menyokong hujah-hujah yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Belud iaitu Tan Sri Mohamed Said bin Keruak. Tuduhan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kononnya

pemerintah di Sabah mengamalkan kuku besi adalah tuduhan yang cakap-cakap di kedai kopi, lahir dari rasa yang tidak senang hati semata-mata.

Kerajaan Negeri Sabah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun adalah Kerajaan yang paling kukuh dan adil dengan men-takbirkan masalah-masalah rakyat dengan penuh teratur dan berjaya. Sesiapa pun tidak dapat menapikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di Sabah adalah Kerajaan paling berjaya menyatupadukan rakyat dan mencapai kejayaan pembangunan yang meng-kagumkan dalam masa yang begitu singkat sekali. Dasar politik yang kukuh yang melahirkan hasrat harmoni itulah yang berjaya mencapai segala kejayaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan politik dan pemerintahan di Sabah adalah dicipta dengan hasrat inspirasi serta semangat dan tenaga rakyat sendiri yang sealiran pendapat dan idiologi, kecuali ada juga segolongan yang paling kecil yang berlainan idiologi. Segolongan kecil yang berlainan idiologi ini bukanlah pejuang-pejuang pembangunan yang sebenarnya tetapi adalah saki-baki orang-orang yang keciwa dan hampa tidak mendapat tempat yang istimewa di dalam politik dan kekeciwaan mereka itu bertambah-tambah lagi bila disuntik dengan sejenis ubat politik dari beberapa orang kononnya pakar politik pembangkang dari Semenanjung Malaysia. Ketiadaan wakil pembangkang di Dewan Undangan Negeri di Sabah dan juga di Dewan ini adalah diputuskan oleh rakyat Malaysia di Sabah sendiri yang menyatakan hasrat mereka di dalam Pilihanraya Umum yang dijalankan mengikut lunas-lunas demokrasi. Kerajaan Negeri Sabah sama sekali tidak menghalang wujudnya Parti Pembangkang atau wakil pembangkang di Sabah tetapi pembangkang sendiri tidak berdaya atau tidak mampu wujud di Sabah kerana mereka itu adalah kumpulan-kumpulan yang dibenci dan di-kutuk oleh rakyat di Sabah. Mereka tidak mendapat sokongan langsung. Rakyat tahu golongan pembangkang di sana ialah bukan pembangkang dengan erti kata yang sebenarnya yang mempunyai suatu idiologi yang matang, tetapi semata-mata alat pem-bangkang dari Semenanjung.

Sebagai contoh, seorang calon pembangkang mahu berdiri di dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini telah dijanji dengan sejumlah besar wang kalau menang. Tetapi keburukan tidak akan tersembunyi baunya. Akhirnya calon itu sendiri mendedahkan perkara kepada rakyat. Ini adalah satu-satunya bukti bahawa tidak ada pembangkang yang asli di Sabah tetapi hanya alat-alat pembangkang dari jauh. Rakyat di Sabah pasti tidak menerima sistem politik begini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebuah parti Pembangkang di Sabah suatu masa dahulu yang dinamakan U.S.A.P. (United Sabah Action Party). Tetapi dengan sendirinya parti itu hancur sebagai thalji di atas gunung, bila musim panas datang ia beransur-ansur hancur. Kerajaan Sabah tidak menyekat wujudnya parti ini tetapi oleh kerana tidak ada sokongan dari rakyat sendiri maka parti itu hancur sendirinya, hari ini ada pula parti pembangkang di Semenanjung cuba menyeberangi lautan yang luas dengan motif yang amat jelas bukan membela untung nasib rakyat di Sabah tetapi semata-mata membela untung nasib saki-baki penyokong-penyokong U.S.A.P. yang keciwa dan hampa itu.

Di dalam keadaan ini kebetulan beberapa orang daripada saki-baki itu ditahan. Ini tidak ada kena mengena dengan pilihanraya dan sebagainya. Tetapi masalah mereka dengan Polis kerana kesalahan-kesalahan tertentu. Sesiapa yang mempunyai kesalahan tidak pilih siapa sahaja patut diambil tindakan sewajarnya, samada mereka dari pembangkang, atau dari parti yang memerintah sendiri. Seseorang yang boleh menjejaskan keadaan harmoni patut diambil tindakan sebelum keharmonian itu hancur yang akibatnya akan menyusahkan rakyat juga.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sama sekali tidak wajar bagi Pembangkang menyalahkan Ketua Menteri Sabah atas kedudukan pemerintahan Negeri itu sekarang ini. Rakyat telah memberi mandat yang penuh kepada Ketua Menteri Negeri itu mempunyai sistem pemerintahan tanpa pembangkang itu. Ketua Menteri menjalankan dasar-dasar adalah bersandarkan kepada hasrat dengan aspirasi rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang iaitu dari Kota Melaka itu ada juga menyebut tentang penahanan beberapa orang di Sabah, seolah-olah berjuang mahu membela untung nasib alat-alat pembangkang itu. Tetapi sama sekali tidak membela untung nasib sendiri dan saya cabar Ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya menumpukan perhatian sebagaimana menjayakan projek-projek Kerajaan bukan memikirkan untung nasib orang-orang yang ditahan yang tidak ada sangkut-paut dalam ekonomi baru, inflasi, pengangguran dan sebagainya. Kalau Parti Pembangkang gagal merebut banyak kerusi di Dewan yang mulia ini akuilah kekalahan yang adil itu.

Kerajaan Negeri Sabah adalah Kerajaan yang adil dan bijaksana menyelesaikan masalah rakyat Malaysia di sana dengan bukti-bukti sekali. Dengan ini rakyat hidup di dalam keadaan aman dan damai tanpa gangguan otak dan fikiran, tetapi yang dialami oleh Yang Berhormat dari Kepong dan juga Kota Melaka rakyat di Sabah lebih suka bekerjasama dengan Kerajaan, jika mahu projek-projek Kerajaan berjalan dengan licin bukan dengan cakap-cakap seperti orang-orang yang keciwa dan hampa.

4.30 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyembahkan tahniah dan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Di samping itu, saya mengambil peluang untuk menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian saya. Sepertimana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Keempat: "Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial dengan seluas-luasnya, supaya lebih ramai lagi rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dalam bidang kesihatan, Kerajaan berazam meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat" Titah Baginda lagi: "Dalam usaha melahirkan satu bangsa yang berdisiplin yang sangat diperlukan bagi menentukan kesejahteraan negara pada masa hadapan, rakyat Beta terutamanya kaum belia hendaklah mengamalkan sifat yang

mulia sejajar dengan prinsip Rukunegara." Dengan keadaan kaum belia dan kanak-kanak yang akan muncul menjadi kaum belia yang mana jumlah mereka itu akan melipatgandakan kaum dewasa, keamanan di dalam negara pada masa hadapan adalah bergantung di atas kejayaan di dalam merangkakan satu dasar jangka panjang yang betul-betul berkesan untuk membantu belia-belie sekarang dan juga belia-belie yang akan datang yang bersedia mengamalkan sifat-sifat yang mulia dan jujur dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Setelah kejayaan ini tercapai, maka baharulah terjamin bahawa daya usaha Kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial dengan seluas-luasnya supaya ramai lagi rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas dalam kehidupan mereka sehari-hari dan juga meninggikan lagi taraf kehidupan dan kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu dasar yang kemas dan lengkap dan juga yang akan meliputi semua peringkat sahaja akan dapat menjamin bahawa hasrat Kerajaan yang baik itu akan berjaya dan wang-wang orang ramai yang akan dibelanjakan untuk tujuan ini tidak menjadi sia-sia. Belia-belie negara kita adalah terkandung kepada beberapa bahagian seperti mahasiswa-mahasiswa, belia-belie yang telah lulus di dalam pelajaran mereka, tetapi tidak berjaya melanjutkan pengajian tinggi dan belia-belie yang tidak berjaya di dalam pelajaran mereka. Belia-belie yang masuk di dalam bahagian terakhir ini berlipat kali ganda besar jumlahnya daripada bahagian-bahagian yang lain dan senang menjadi alat-alat yang akan memberi cabaran yang besar kepada hasrat Kerajaan itu, walaupun ada pusat-pusat latihan belia, tetapi sejumlah yang besar masih terbiar dan seharusnya telahpun menjadi liar di ibu kota, bandar-bandar dan mahupun di kampung-kampung. Pengaruh-pengaruh yang tidak diingini mungkin menjadi kesan yang buruk kepada bakal-bakal belia yang masih ada di bangku-bangku sekolah pada masa ini. Golongan ini mudah diperdayakan untuk menjadi per-kakas kepada mana-mana tujuan yang berupa anti-nasional dan tidak mudah dihapuskan oleh kekuatan tentera ataupun kecekapan pihak polis untuk menghapuskan serba rupa jenayah yang meningkat dari masa ke semasa.

Keadaan ekonomi dan kenaikan barang-barang yang sedang mengancam dunia dan negara ini terlibat sama. Golongan ini sudah tentu menjadi mangsa di barisan hadapan. Dengan bertambahnya jumlah bilangan penganggur akibat daripada penutupan kerja-kerja membalak dan juga setengah kilang yang mengecilkan jumlah pengeluaran mereka, mereka akan menumpukan haluan mereka ke ibu-ibu kota ataupun bandar-bandar besar yang telahpun sedang mengalami bermacam-macam rupa kesulitan dan jenayah untuk mencuba cara hidup baru di ibu kota dan bandar-bandar yang lain. Ibu kota negara ini telahpun diancam dengan serba rupa jenayah mungkin menjadi lebih rumit lagi setelah sebahagian belia-belie dari kampung atau desa cuba melegakan tekanan hidup yang sedang mereka alami di tempat-tempat mereka, datang ke ibu kota untuk mengubah cara hidup mereka. Setengah daripada mereka dapat menumpang keluarga mereka yang sudahpun ada di ibu kota ini, dan setengahnya pula menumpang kawan-kawan mereka. Mereka yang tidak berjaya mencari apa-apa kerja di dalam masa yang tertentu akan menambahkan lagi kerumitan sosial di ibu kota ini dan mereka ini mudah dipengaruhi oleh apa-apa sahaja pergerakan anti-nasional asalkan mereka dapat mengatasi kelaparan mereka. Untuk mengelakkan daripada ibu kota yang cantik yang terkenal di dunia sebagai bandar yang aman menjadi setengah-setengah ibu kota yang besar di negara-negara Barat yang penuh dengan keganasan dan hampir-hampir tidak dapat dikawal lagi. Kerajaan patutlah mengadakan satu badan untuk mengatasi belia-belie dan beliawanis-beliawanis yang datang dari mana-mana negeri di Malaysia Barat ini dan membantu mereka di dalam masa yang tertentu bagi mendapat apa-apa pekerjaan yang menasabah. Mereka yang tidak berjaya patutlah dihantar balik ke kampung mereka. Untuk menjayakan rancangan ini sebuah asrama patutlah diadakan dan mereka dikehendaki membayar untuk tempat tidur dan makanan mereka dengan bayaran yang rendah. Semasa mereka berada di asrama ini kelas bimbingan seperti kelas dewasa belia yang ada sekarang patut diadakan. Di peringkat negeri patutlah juga ditubuhkan satu badan yang akan memberi galakan supaya belia-belie yang menganggur ini menikmati di dalam bidang pertanian. Pertolongan yang

sewajarnya patutlah diberikan kepada mereka itu untuk mengadakan pasaran hasil-hasil pertanian mereka ini. Dengan jalan ini ibu kota ini tidaklah menjadi tumpuan kepada belia-belia yang menganggur dari kampung atau desa yang cuba hendak menukar corak hidup mereka di bandar-bandar yang besar telahpun cukup mengalami bermacam-macam rupa kesulitan jenayah itu. Kementerian-kementerian seperti • **Kebajikan Masyarakat, Belia dan Sukan** dan badan-badan kebajikan sosial seperti Lotteri Kebajikan Masyarakat dan Syarikat Toto dan badan-badan yayasan patutlah memberikan sumbangan untuk mengatasi masalah sosial ini.

3.46 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon turut menyokong usul yang sedang berada di hadapan Majlis yang mulia ini. Sebelum saya berucap panjang, saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tun Yang di-Pertua di atas lantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat dan saya yakin dengan pimpinan yang bijaksana dan bertimbangrasa dari pihak Tuan Yang di-Pertua, akan bertambah kurang cuak dan gubra Ahli-ahli yang baru semacam saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan dalam persidangan Dewan ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titalah Ucapannya pada hari Isnin lalu telah menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia yang didukung oleh parti Barisan Nasional selama 5 tahun lagi. Langkah-langkah demikian akan dihuraikan dengan panjang-lebar apabila Kerajaan mengumumkan Belanjawan tahun 1975 pada minggu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli yang baharu saya berasa takjub dan hairan apabila dalam dua hari yang telah lalu saya mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Pada pendengaran saya semuanya tidak elok, tidak betul dan tidak memuaskan hati. Jika sekiranya orang yang mendengar itu datang dari luar negeri sampai ke negeri ini pada kali yang pertama dan tidak ada perhubungan terlebih dahulu atau membaca penyata-penyata yang dikeluarkan

dari satu masa ke semasa berkenaan dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam segala bidang kehidupan dan daya usaha manusia, gambaran yang akan didapati terbit daripada ucapan-ucapan yang tersebut, adalah tersangat buruk dan tak baik padahnya. Walhal sejak Malaysia merdeka, saya berani berkata bahawa negara kita telah mencapai kemajuan dan kejayaan yang cemerlang dalam segala bidang baik siasah, ekonomi ataupun sosial yang diakui bukan sahaja oleh golongan besar dalam negeri ini, tetapi juga oleh negeri-negeri luar. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya tidak hendak berucap panjang dan masa pun tidak mengizinkan untuk menerangkan satu-persatu dan dengan panjang-lebar atas kemajuan-kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang saya sebutkan tadi memadailah jikalau sekiranya saya sebutkan 2-3 perkara sahaja dengan seberapa ringkas.

Misalannya, pelajaran ialah satu perkara yang terpenting sekali pada sisi rakyat dan pada sisi negara. Saya tahu bahawa Kerajaan kita yang dari semenjak merdeka telah didokong oleh Parti Perikatan dan sekarang oleh parti Barisan Nasional menisfatkan pelajaran, bukan sahaja sebagai kemudahan sosial yang mesti diadakan, tetapi juga sebagai pelaburan yang mesti dibuat untuk ketenteraman, kebahagiaan dan kemakmuran rakyat dan negara pada masa ini dan pada masa-masa yang akan datang. Tiap-tiap tahun Kerajaan kita membelanjai wang yang terbanyak kerana pelajaran, boleh jadi kecuali sedikit bilangan tahun sahaja dalam masa darurat dan bila telah berlaku krisis kebangsaan. Dengan itu sekolah-sekolah, baik rendah, baik menengah telah ada dan merebak di seluruh ceruk-rantau negeri Malaysia ini. Politeknik-politeknik, kolej-kolej dan universiti-universiti telah bertambah banyak bilangannya. Mutu-mutu latihan dan pelajaran yang diberi dikawal cukup dan dijaga rapi darjahnya.

Dalam lapangan ekonomi pula dengan ringkas juga, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan Kerajaan kita telah mengambil bermacam-macam langkah demi kepentingan negara kita. Langkah-langkah yang diambil bukannya sahaja untuk menambahkan keluaran pertanian dan hasil bumi negeri ini, tetapi juga untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat dalam negeri ini. Misalannya, tanaman padi dua kali setahun, penanaman

getah semula, penempatan petani-petani dan orang-orang yang tidak bertanah di kawasan-kawasan baru, pelancaran perkembangan perusahaan dan perusahaan pembuatan untuk memberi kerja kepada orang yang ramai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana telah mengambil masa sedikit menyebutkan hal-hal yang telah saya sebutkan tadi walhal semuanya itu adalah dalam pengetahuan ramai, boleh jadi kecuali golongan yang terkecil sahaja. Tujuan saya hanya seperti yang biasa dikatakan dalam bahasa Inggeris dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu to give credit where credit is due. Tujuan saya lagi ialah untuk memperbetulkan gambaran negeri kita. Saya percaya menasabah dan diterima akal jikalau saya katakan bahawa sebarang dasar yang dibuat dengan tujuan yang sebaik-baiknya dan dengan tujuan yang semulia-mulianya tentulah mungkin tidak dapat dilaksanakan 100% memuaskan hati semua rakyat dalam negeri ini kerana terhad kewangan, terhad kemampuan dan sebagainya, tetapi dedikasi dan keikhlasan yang telah menjadi panduan dan dorongan dalam daya-usaha untuk mencapai hasrat dan cita-cita rakyat Malaysia semenjak merdeka tidak boleh dibiarkan, diabaikan dan diperkecil-kecilkan oleh apa-apa golongan orang lain lebih-lebih lagi oleh orang kita rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya turut menyokong usul mempersembahkan ucapan berbilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Keempat.

Tuan Yang di-Pertua: Sungguhpun mengikut cadangan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dahulu adalah diperuntukkan hari Isnin hadapan ialah bagi jawapan-jawapan dari pihak Menteri-menteri, saya suka memaklumkan bahawa pada hari Isnin, saya bercadang hendak memberi peluang lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat menyambung perbahasan lebih kurang 1-2 jam lagi, jadi janganlah berebut-rebut sangat.

Yang keduanya, sebagai panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, khususnya di dalam Dewan ini iaitu mengikut peraturan kita, kita tak boleh sebut nama tubuh seseorang Ahli dalam Dewan ini,

tetapi hendaklah disebut nama kawasan dia, dan jika hendak disebut nama Menteri tak boleh juga, sebaliknya hendaklah disebut nama jawatan Menteri yang bersangkutan-paut itu. Dan lagi, apabila hendak sebut nama Ketua Utama Negara (Supreme Head of State) kenalah gunakan gelaran yang sebenarnya seperti "Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong" dan tak boleh gunakan "Duli Yang Maha Mulia" sahaja misalnya, dan dalam bahasa Inggeris kenalah gunakan perkataan "His Majesty" dan tidak "His Highness" ataupun "His Royal Highness" sebagaimana berlaku pada petang semalam daripada beberapa ucapan yang telah saya perhatikan.

3.56 ptg.

Tuan Fan Yew Teng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang mengambil bahagian atas usul ini dan juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri di atas pilihan Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan ini.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, it is my fervent hope that your experience and knowledge will guide all of us in this House to make useful and important contribution to our nation out of our deliberations in this august House.

As a result of a highly inequitable electoral system which is existing now, the ruling party has secured in Peninsular Malaysia 88% of the Parliamentary seats though it obtained only about 60% of the votes cast. Thus it would indeed be highly presumptuous and even unfortunate of the Government to misconstrue the so-called landslide as a genuine and wholehearted national endorsement of its policies and when one considers that less than 80% of the whole electorate voted on August 24th, there is still less reason for members of the Government to intoxicate themselves in self-congratulation and to wallow in euphoria. For the benefit of the Honourable Members from Sabah, perhaps they should remember that in the only seat that was contested in Sabah, 40% of the people in Sabah in that particular constituency voted solidly for the Opposition.

It is to be earnestly hoped, Sir, that the brutal majority of Government will not, in the interest of our country and of all our people, be turned into an arrogant, insensitive

and mindless majority. It is in this light that it is hoped that it will not be too much to be expected of Honourable Members from the Government side particularly that whenever it comes to fundamental issues affecting the long-term interest of our country and our people, their sense of responsibility and perspective will help them to transcend the narrow and shallow considerations of partisan party politics and calculations. It is in this connection that I would like to commend the sound point made by the Honourable Member for Panti yesterday—though we on this side of the House do not have much in common with that Honourable Member—when he warned that it would be disastrous not only for the Government but for the whole nation if tendencies and dreams of turning our country into a one party state were not curbed and curbed immediately.

Mr Speaker, Sir, if we do not transcend narrow and shallow considerations of partisan party politics when we come to fundamental national issues, it would be a great pity if Government back-benchers merely fit into the characterisation of Members of Parliament as contained in the Sentry's song in *Iolanthe* which reported of M.P.s that,

"If they've brain and cerebellum too:

They have to leave both outside,
And vote as their leaders tell them to."

Similarly, Sir, the Government, with the big majority that it has got through an inequitable electoral system should have both the courage and the vision to initiate radical measures which are so desperately needed to truly transform our society, instead of allowing such strength of numbers to be simply wasted away. However, sad to say, one would appear to be expecting too much from this Government in this respect when one takes a closer look at current Government thinking as reflected in the Royal Address.

The Government has recognised, quite correctly, that we are now faced with stagflation. But this by itself is no great achievement; almost any other Government in the world can tell that a slump has arrived. It is not a phenomenon that is wholly unexpected, as many people would like us to believe or imagine; it is not something that is new or inexplicable.

Neither is it something that can easily be rationalised away in the traditional language of economists in the so-called "Free World".

The question is whether there is sufficient percipience and perspicacity to fully understand the significance of the causes of the present situation. The writing has been on the wall for quite some time already. What is known as stagflation is nothing but the predicted structural crisis of capitalism—a system which is facing a serious breakdown of all its traditional safety valves. Whether it be in political, social or economic matters, we stand in real danger of indulging in the utter futility and irrelevance of initiating only half-hearted, piecemeal and stop-gap measures which ultimately will only help to strengthen further the detested status quo instead of changing radically the present unjust and unequal society.

I am afraid, Sir, that the Government is still very much clouded by the confusion of its own contradictions. On the one hand, it loudly proclaims that its objective is to make the country "self-reliant in all fields" as mentioned in the Royal Address. On the other hand, it persists in "continuing to offer very attractive incentives" to foreign capital, thereby submitting our country into deeper levels of exploitation and plunder by the forces of imperialism and neo-colonialism.

No wonder a recent issue of a monthly local publication, *Business Week*, called Malaysia "a capitalist's dream" with plenty of cheap labour.

A recent brochure published by the Federal Industrial Development Authority and issued to prospective foreign investors naively and unashamedly advertised Malaysia as their "profit centre". Another FIDA brochure addresses itself to American capitalists in this vein: "Malay salaries are among the lowest in the area. It is possible to hire women workers for about M\$1.50 a day."

Tuan Yang di-Pertua: You are quoting from what publication?

Tuan Fan Yew Teng: FIDA brochure.

Tuan Yang di-Pertua: Any number to the brochure?

Tuan Fan Yew Teng: It is not numbered, it is a coloured brochure for American investors.

An angry letter we received some days ago from some angry workers of the Folex Industries Sdn. Bhd. of Kamunting, Taiping, is typical of the general mood of hundreds of thousands of workers in the country. This letter, duly signed and dated November 2, 1974, has, among other things, this to say: "Our plight is the result of the extreme exploitation by the unscrupulous capitalists. We sweat and toil for a day, but what we get is hardly enough for our meals. The unreasonable, inhuman and unethical capitalists will have to pay their prices!"

With foreign investors being pampered and allowed to carry on with the completely uninhibited export of profits and the absence of a legal minimum wage, Malaysia is indeed fast becoming a capitalist's paradise.

Another case in point, Sir, with respect to exploitation of Malaysian workers by foreign capitalists, is the despicable manner in which many of our girls get retrenched by electronics factories in Penang. The *Utusan Malaysia*, in a special article on September 14, 1974, reported that at least three factories, including Atlas Electronics (M) Sdn. Bhd. and Microsystem, had started retrenching our girl workers, and many of these girl workers come as far as from Kelantan, Kedah and Perak to Penang. That was nearly two month ago; more factories since then have done the same.

According to the article, this is how our girls get retrenched. And I quote, Sir:

Tuan Yang di-Pertua: What paper?

Tuan Fan Yew Teng: *Utusan Malaysia*.

Tuan Yang di-Pertua: Date?

Tuan Fan Yew Teng: 14th September. I quote:

"Menurut gadis itu rakan-rakannya yang diberhentikan cuma diberi wang suguhati \$10 sahaja. Beberapa gadis menyatakan rasa kesal bahawa pihak majikan yang hendak mengurangkan pekerja-pekerja tidak memberikan notis terlebih dahulu."

Do the Minister of Labour and the Chief Minister of Pulau Pinang not know about this high-handed and anti-labour way in which our girls are being retrenched? Many of these girls, as I said, come from as far as Kelantan, Kedah and Perak. Or, are they pretending not to know? So, what is the Government going to do about these electronics factories and multinational companies without soul and conscience? Give them more red carpet treatment, even if it means exploiting and insulting our workers?

The Government talks on and off about the need to build more houses for our people. If the Government sincerely means what it says, then it should have the courage and the vision to nationalise the whole housing industry in the country and begin to launch seriously a massive low-cost and medium-cost public housing programme. Otherwise, hundreds of thousands of our poor people in the kampungs, new villages, estate settlements and urban slums will continue to be "badly housed", as mentioned in the Royal Address, and will continue to live in extreme congestion, degradation and squalor. Hundreds of thousands of others, having to work and live in towns like Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Johor Bahru, and Kuantan and others, will continue to face the almost nightmarish burden of repeated rent increases for their rooms or houses.

The Government has called on the people to grow more food as one of the strategies to tide over the coming economic storm. What the Government should do is to devise a new land policy to give land to the landless and jobless to eke out a living, and for the homeless to have a roof over their heads.

The plight of homelessness of poor Malaysians was high-lighted by the Tasek Utara squatter affair in Johor Bahru in September this year. For many years, the poor and the low-salaried workers have been unable to afford a decent shelter in Johor Bahru because of the Government's neglect and indifference to the basic needs of the have-nots in the country. The laws of the land and the Police were being used, not to bring about social justice, but to preserve the *status quo* and punish those who try to bring about a movement towards greater social justice and equality.

Even now, the Tasek Utara squatters have not been provided with decent homes, despite promises of action. The present Government claims to be action-oriented. It must then prove to the poor and down-trodden of the country that it is action-oriented towards the quick and total solution of their problems, and not action-oriented towards the protection of the vested interests and the present structure where income and wealth are concentrated in the hands of a small percentage of the rich.

Mr Speaker, Sir, 18 years have come and gone after our Merdeka, but fundamental problems like landlessness, homelessness and joblessness and the question of wealth distribution remain by and large unsolved; in fact, in many ways, these problems have worsened. The 18 years appear now to be years wasted, years eaten away by the locusts, so to speak.

Is it any wonder then that more and more of our people, especially our youths and our students, both at home and abroad, are becoming more and more disenchanted with and resentful of the record of the Government. Increasing numbers of our students are dissenting and protesting not merely for the kick of it, but because they are sick and tired of the utter hypocrisy of their elders who sermonize with pious platitudes in one instance and do exactly the opposite in the next instance. People who talk glibly about democracy and the rule of law become oppressors; people who talk glibly about justice exploit and victimise poor peasants and workers; people who talk glibly about morality amass huge personal fortunes through corrupt ways and means.

Students protest. Yes, and why should not they just as a large group of students did in the University of Malaya Campus yesterday morning? It is as much their country as it is ours. Riot squads and batons and truncheons are not the answer to their questions and demands. We cannot solve any of our problems by beginning to devour our own children who cry out against injustice and inequalities.

Most of our fundamental problems need total solution, not mere patchwork of reforms and amendments which are more designed, as I have said, to strengthen or even to perpetuate the *status quo*. The art of politics, especially Government politics, must not be to persuade people that they make decisions

while ensuring that they do not. Otherwise, more and more of our people will begin to see Government policies and pronouncements as nothing more than a big confidence trick on them.

Mr Speaker, Sir, what we in Malaysia need is a total and radical transformation of our society, politically, socially and economically—a transformation from top to bottom. We urgently and desperately need a new system of social control, a system which will help to move us away from the present commodity society and which will help to emancipate our politics as well as our economics from the power and domination of capital. Equally important, we need this system which will help to move us away from the enslaving processes of the alienation and dehumanisation of our workers, our peasants, our students and our youths.

The crucial question is whether this Government, with its big seat majority, will be bold and imaginative enough to do so. Or, has this Government become so much a creature and victim of capitalism and imperialism that it cannot afford to do it for fear that by doing it would mean sawing off the very branch on which it is sitting? It must be remembered

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Fan Yew Teng: One more paragraph, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Not one paragraph more, but two sentences only.

Tuan Fan Yew Teng: Yes, Sir, it must be remembered, however, that a branch cannot last very long when the roots and trunk of the tree of capital are rotting and rotting fast.

The winds of change we heard and talked about in the 1960's are blowing strongly throughout the globe, and even violently in some places. We can either become the beneficiaries of these winds of change or become the victims of the fury of the whirlwind. The choice is ours, but time is not on our side.

4.14 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah boleh Ahli Yang Berhormat menggunakan Bahasa Malaysia dahulu dan kemudian sambung dalam bahasa Inggeris? Cuba!

Tuan Mak Hon Kam: Thank you, Sir. In His Majesty's Speech on the 5th of November 1974, it is stated and I quote:

"In facing the problem of stagflation we should not despair but we should be aware of our strength because normally challenges will also bring about hidden opportunities for the better. Our country is endowed with fertile land, rich natural resources and we have efficient management and also the dynamism and resilience of the people all of which must be utilised to the full".

In another paragraph it is stated and I quote part of it:

"With regard to public housing, my Government will adopt a new approach and will continue to give loans to State Governments to enable them to implement public housing schemes especially for those with low incomes and who are badly housed".

In regard to the Royal Address, I have my view point on this. His Majesty's words should be well considered and we should take them not only as a guideline but also use our land to get away from this inflation. Land is one of our natural resources and we have plenty of it. Yet we have often heard of people crying out for land. We are not in a country like Singapore or Hongkong where they are so short of land whereby they have to preserve it for any special use. But in Malaysia I think we have no problem of not having enough land. To face this stagflation, if the State Governments are able to utilise land for purposes like agriculture and housing, I think we can go a long way towards the solution and as the Royal Address says there will be hidden opportunities for the better. It is always that when we have to face the worse that we can be better because we are trying to struggle to face the challenges.

In this respect, I would like to say that we should not beg for alms with a golden bowl. In Malaysia, we have so much land. Why not we open up more land for agriculture, for housing, etc? As we all know, with

agriculture, we can produce more foodstuff whereby it reduces the burden of the lower income group if they are provided with land. On housing, if the State Governments can sub-divide the land and give it away at reasonable prices to the people, I suppose the lower income group will be able to use their savings to build their own homes. In this case, I would say that it will help to utilise our timber in our country. No one will deny that if any inhabitant is given a piece of land at a cheap price, or if the inhabitant is able to own a piece of land, that gives him a sense of belonging to the nation which means that we have loyalty from the inhabitant. This is quite natural to human beings. Unless we have some share from the wealth of the country, we would be doubtful to feel whether we belong to it. Then the problem of loyalty is there to be considered.

I understand that there is a National Land Council set up some time ago, and I would wish this Council to have better coordination with the State Governments because land is a State matter. I hope that this National Land Council would do its best to utilise the land we have.

While touching on land, I cannot get away from the new villages. We all know that these new villages throughout Malaysia—there are over 400 of them—were set up in 1948 during the Emergency period. All these years, population has increased, but the boundaries of the villages remain the same. We can imagine the hardship of the people in the new villages. Unless we are going to do something to help these people either by setting up townships or by extending the boundaries, we will find more problems with squatters. As we all know, one of the basic needs of a human being is shelter, a roof over his head. If there is no land available, these people will try to put up squatter houses by whatever means, which means another problem. Knowing that this is a problem to be solved, why not we solve it earlier? Do it once and for all. I will give my view on this if the State Government will adopt it. The State Government can set up a Committee to look into the question of lands to sub-divide, build roads, drainage—ready and sub-divided—to be given away at a reasonable price. Instead of giving the land to one owner who at this stage of inflation might find it hard to develop it, the land can be

divided and the lots can be given away individually. Thus the problem can be easily solved as far as development is concerned.

If we look into this matter of distribution of land to the villages or kampungs, I suppose it will be a welfare done to the people and also a benefit to the nation. I wish our Government to take this matter into consideration, and especially the National Land Council should do their work a bit faster and speed things up to help the people. Thank you very much.

4.00 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong dengan sepenuhnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Padawan. Tidak syak lagi bahawa lapangan keselamatan dalam negeri dan lapangan pembangunan dalam negeri tidak boleh dipisahkan, di antara satu yang lain itu terlibat, react dan respond di antara satu sama lain. Sekiranya keadaan keselamatan dalam negeri tidak baik, maka keadaan itu sudah tentu akan menjejaskan di dalam lapangan pembangunan dalam negeri. Begitu juga sekiranya pembangunan dalam negeri tidak begitu sihat, maka ini juga akan membawa kepada suatu keadaan keselamatan dalam negeri yang kurang sihat.

Saya amat tertarik hati di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bertitah menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah berjaya di dalam usahanya untuk mewujudkan keadaan yang sihat di kedua-dua lapangan iaitu keselamatan dalam negeri dan pembangunan di dalam negeri. Tetapi mungkin di dalam azam Kerajaan hendak membangunkan negara ini berlaku beberapa penindasan terhadap rakyat yang tidak bersalah, lebih tepat lagi di dalam proses pelaksanaan pembangunan-pembangunan yang baik berlaku beberapa penindasan terhadap rakyat yang tidak bersalah.

Sebagai contoh, kadangkala Kerajaan di atas nama pembangunan terpaksa mengambil alih pekebun-pekebun kecil getah dan ini menimbulkan kesusahan kepada pemilik-pemilik pekebun-pekebun kecil getah itu. Oleh kerana kadangkala penilaian yang diberi di atas tanah-tanah itu tidaklah sejajar

dan selaras dengan harga pasaran. Ada berlaku di mana tanah-tanah getah pekebun-pekebun kecil telah diambil alih diberi harga ganti rugi sebanyak \$1,900 satu ekar walhal harga pasaran di kawasan yang diambil alih ialah sesungguhnya \$4,000 satu ekar. Tetapi apakah hendak diperbuat oleh pemilik-pemilik pekebun-pekebun kecil yang terdiri dari orang-orang yang tidak erti membaca atau lebih tepat lagi buta huruf. Mereka tidak dapat hendak membawa kes-kes ini ke mahkamah untuk hendak mendapatkan keadilan lebih-lebih lagi mereka tidak mampu untuk membawa kes-kes seperti itu ke mahkamah. Jadi terbiarlah keadaan mereka seperti itu dan bukan itu sahaja, katakanlah seseorang itu mempunyai kebun getah seluas 4 ekar dan dibayar \$1,900 satu ekar tanahnya dan jumlah yang ia dapat lebih kurang \$7,600 kalau ia mempunyai 4 ekar. Apakah ia akan buat dengan wang sebanyak \$7,600 itu? Dia sudah tidak ada kerja, dia sudah tidak ada tanah, dan dia sudah tidak ada rumah lagi untuk hendak menetap. Tidak ada lagi gunanya untuk dia mendapatkan wang itu, melainkan Kerajaan dapat berusaha dan berikhtiar untuk memberikan ia suatu tanah yang lain yang mana ia boleh mengusahakan untuk menampung kehidupan dan keluarganya. Inilah sepatutnya bentuk ganti rugi yang diberikan kepada mereka itu.

Kadangkala lebih dahsyat lagi berlaku pula keadaan yang mana setelah tanah itu diambil oleh Kerajaan, pokok-pokok getah yang ada di atas tanah mereka itu tidak pula ditebang untuk diusaha dan dilakukan kerja-kerja pembangunan. Malah tanah-tanah itu dikerjakan dengan di sub-tender iaitu dikontrekan kepada kontrektor-kontrektor untuk diusahakan. Jadi pekebun-pekebun kecil ini lalu-lalang melihat tanah-tanah mereka diusahakan oleh orang lain yang mana pada mulanya di atas titik-peluh mereka, mereka telah bercucuk-tanam pokok-pokok getah yang subur sekarang diambil alih dan ditoreh oleh orang lain. Ini adalah suatu keadaan yang menyedihkan.

Contoh yang paling akhir sekali berlaku di suatu kawasan di Daerah Ulu Langat di Ladang West Country, lebih tepat lagi namanya. Di sini Kerajaan telah mengambil alih suatu kawasan 500 ekar luasnya daripada Ladang West Country yang ladang itu besarnya 4,000 ekar. Kerajaan membuat pembangunan yang baik untuk 500 ekar iaitu

untuk penyelidikan. Saya tidak menafikan bahawa pembangunan itu baik dan harus di galakkan, tetapi akibat daripada pengambilan alih 500 ekar itu pihak Ladang West Country telah pun mengeluarkan notis kepada 100 pekerja-pekerjanya untuk berhenti. Diberi satu bulan notis sahaja dan mereka terpaksa berhenti pada 30hb Oktober tahun ini. Amat sedih, dan paling sedih sekali setengah-setengah daripada pekerja-pekerja ini terdiri dari kaum yang beragama Hindu dan mereka meminta supaya ditangguhkan pemberhentian mereka sehingga selepas hari raya Deepavali. Ini pun ditolak oleh pihak Ladang West Country. Amat sedih sekali. Setengah-setengah daripada mereka yang telah diberi notis berhenti itu adalah pekerja-pekerja yang telah berkhidmat di ladang itu selama 15 tahun, 16 tahun, 17 tahun dan ada yang 20 tahun pun. Mereka sekarang terpaksa meninggalkan rumah mereka, iaitu labour line mereka dalam estate itu. Ke manakah mereka hendak pergi sekarang? Secebis tanah pun mereka tidak ada. Mereka tidak ada rumah dan sekarang mereka tidak ada pekerjaan. Apakah akan jadi kepada mereka? Ke manakah mereka akan pergi dan apakah yang mereka akan perbuat, dan apakah yang akan terjadi kepada keluarga mereka yang banyak itu?

Sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, kumpulan rakyat yang tidak bersalah ini terdedah kepada kaum-kaum yang tidak bertanggungjawab kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab yang ada menghasut mereka itu supaya benci kepada Kerajaan yang memerintah. Inilah dia bahan-bahan bibit-bibit yang akan menjadi penganas-penganas kominis di negara Malaysia ini. Oleh kerana bagi mereka dunia mereka sudah gelap, mereka tidak ada lagi harapan hendak hidup, tidak tahu ke mana hendak pergi, tidak ada lagi hope dalam dunia ini bagi mereka, dan asalkan ada a glimmer of hope itulah yang mereka akan capai yang mereka akan grasp dan kalau ada pihak penghasut, pihak yang tidak bertanggungjawab, subversive yang pergi kepada mereka yang menawarkan mereka pergi ke hutan mereka akan mengambil tawaran itu. Inilah dia bakat-bakat yang akan mendatangkan kerosakan dan kebinasaan kepada negara Malaysia.

Saya berpendapat, sekiranya penganas kominis yang ada tertahan di Malaysia ini kita selidiki kita kaji latar belakang mereka,

saya percaya bahawa sebilangan besar daripada mereka ini tidak percaya kepada ideologi kominisma mereka tidak tahupun apa itu kominisma. Tetapi mereka memasuki kumpulan itu oleh kerana ketidakpuasan yang mereka merasai yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak, kerana mereka tidak puas hati, kerana mereka fikir satu kezaliman telah didatangkan ke atas mereka, maka mereka telah menceburkan diri mereka dalam perkara yang tidak sihat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa pembangunan itu baik. Sekali-kali saya tidak menahan pembangunan, banyakkann pembangunan kerana banyak pembangunan ini akan mendatangkan keselamatan dalam negeri, tetapi seperti mana yang telah saya katakan dalam pembukaan saya tadi, pelaksanaan pembangunan itu mestilah kita berhati-hati, pihak-pihak perancang, pihak-pihak yang bertanggungjawab, pihak yang berkenaan hendaklah membuat persediaan yang teratur. Kalau ada pekerja-pekerja yang terlibat di dalam sesuatu rancangan itu, pekerja-pekerja itu hendaklah dipelihara, satu rancangan mestilah diatur kalau ada berlaku mereka yang terpaksa diberhentikan kerja, cari tempat-tempat yang mana mereka boleh diberikan pekerjaan. Carilah usalah dan ikhtiarlah supaya mereka tidak merasai bahawa suatu kezaliman telah pun diturunkan kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah katakan tadi sesungguhnya adalah satu manifestasi pertarungan di antara dua prinsip, iaitu satu prinsip kepentingan orang ramai dan suatu lagi prinsip kepentingan segolongan yang kecil. Pada pendapat saya yang tidak seperti ini kedua-dua prinsip ini penting. Kepentingan orang ramai pun mustahak, kepentingan individu, kepentingan perseorangan ataupun kepentingan segolongan kecil pun sama juga mustahak. Kedua-dua kepentingan adalah penting belaka dan pihak yang melaksanakan, pihak yang bertanggungjawab dan pihak yang berkenaan hendaklah berusaha supaya kedua-dua kepentingan ini yang ramai dan yang kecil dipelihara sentiasa. Saya berharap dan merayu kepada pihak yang berkenaan janganlah membulduzkan (bulldoze) sesuatu di atas nama hak kepentingan orang ramai, hak kepentingan orang ramai janganlah digunakan untuk menindas, membinasakan dan merosakkan hak kepentingan segolongan yang kecil.

Oleh kerana kalau itu berlaku kumpulan yang kecil ini akan bertindak dan tindakan mereka akan memburukkan keadaan keselamatan di dalam negara Malaysia yang kita semua cintai.

4.38 *ptg.*

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengambil peluang ini menyertai dalam Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah di-Raja.

Saya berpendapat bahawa Titah di-Raja telah dengan terus-terang menyeru rakyat Malaysia bersiap sedia tentang keadaan ekonomi yang akan merosot disebabkan oleh stagflation pada beberapa bulan yang akan datang ini, dan juga tentang keperluan dan kebolehan rakyat Malaysia mengurangkan bebanan dari beberapa aspek sosial dan ekonomi yang berbangkit dari stagflation itu.

Stagflation ialah satu keadaan yang baru. Cara-cara untuk mengatasinya memanglah susah; tetapi sungguhpun demikian, akibat-akibatnya sangat buruk. Saya tidak ingin untuk memanjang lebar dalam perkara ini pada masa ini oleh kerana tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan akan diterangkan dalam Ucapan Belanjawan kelak. Begitu juga saya harap dapat menyentuh tentang lain-lain perkara dasar dan rancangan dalam perbincangan di atas Ucapan Belanjawan kelak. Pada ketika ini, saya minta izin menyentuh atas dua aspek Titah di-Raja: Perpaduan Negara dan Perumahan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan K. Pathmanaban: (*Dengan izin*) His Majesty's Address rightly stressed the continuing need for the Government and all Malaysians to strive for national unity. The recent General Elections show overwhelming support of Malaysians for the Barisan Nasional Government and the policy and programme directions of the Government in the path of National unity. However, a careful analysis of the outcome of the General Elections may, indeed, show a continuing degree of polarisation in our society, despite the efforts of Government to

steer the nation along the path of national unity and the record of achievements of this Government in this regard.

The Rukunegara and the New Economic Policy are indeed the only vehicles for creating in Malaysia a unified nation, with equity and justice for all. This does show that the efforts of the Government in enunciating its policies, particularly the New Economic Policy, and the rationale for this Policy have not reached out to some sections of the Malaysian society. It does highlight the need for Government to continue to appraise the people of the socio-economic and political environment under which the Policy has been formulated, and the thrusts and timing of these policy efforts. The National Unity Authority recently established is by no means the final solution, or even the most effective one, particularly if it meets at the infrequent intervals of its predecessor, the National Unity Council.

One reason for continued polarisation among the races in Malaysia must be the opportunistic efforts of Opposition political parties. The Honourable Member of Kota Melaka in his speech stated that his party has been subjected to distortions and half-truths in the Malaysian Press, but if the full truth of his party's strategy and dangerous campaign were revealed, we can begin to understand why such large numbers of Malaysians who voted for them did so. Race, language, culture and economic power were used by the D.A.P. to keep their support. Baseless and mischievous misinterpretations of the Government's Education and Economic Policy led large groups of Malaysians to fear for what the Government was attempting to do. Such efforts could not but alienate them from the Nation's determined push in the direction of creating a new Malaysian society, in which all Malaysians effectively enjoyed equality of opportunity. An important reason for the evidence of continued polarisation in our multi-racial society must be such efforts of Opposition political parties.

The appreciation and willing acceptance of the goals of the New Economic Policy among all section of Malaysians has, to some extent, also suffered from a lack of adequate enunciation of the goals underlying the Economic Policy and the rationale of this Policy and the various programmes being

undertaken to achieve its objectives. When it is borne in mind that national unity is the only enduring basis for the continued stability and progress of our young nation, the necessity for widespread clarification as to what the New Economic Policy is and for close discussions among the mass of Malaysians of this matter become overwhelmingly clear.

The analysis of the socio-economic and political environment underlying the New Economic Policy is a comprehensive one. The goals of the New Economic Policy in its two prongs to eradicate poverty among all Malaysians and to promote a greater degree of balance in the participation by Malaysians in all aspects of the Nation's economic life are sharply relevant and important in our survival as a nation. They should thus be fully understood by, and acceptable to, all Malaysians. However, there are still apparent groups of resistance, misinterpretations and misunderstandings on this matter. If these are not corrected, they could militate against the fundamental objective of national unity.

The position in this regard, I feel, is not helped by narrow announcements regarding objectives of particular programmes by Ministers and officials of Government. Too often, announcements, speeches and interpretations have centred on a particular aspect of the second prong of the New Economic Policy. Officials at Federal and State levels and the employers in the private sector have followed with similarly narrow interpretations in the implementation of Government's policies. The creation of a viable group of Bumiputra businessmen and industrialists is an important aspect of the New Economic Policy in our search for racial balance in all its dimensions. However, this cannot be and is not the whole Policy.

Lack of understanding on this matter can clearly lead us into problems. It is important, for our continued well-being as a nation, that there be considerably increased Bumiputra participation in commerce and industry. But this does not necessarily have to lead to stifling of industrial growth. For instance, approvals for certain critical industries have, unfortunately, been delayed because Bumiputra participation in these industries was slow to start with. Where these industries involved the production of key commodities such as construction materials, we are now

paying the price for delay through widespread shortages. These shortages have affected both prongs of the New Economic Policy, through rising prices, cost escalation of houses out of the reach of the poor, through bottle-necks in programmes to modernise the rural areas and to improve their productive capacity and so on. Our fight against poverty has, therefore, become the more difficult. Let us face it—the Bumiputras have also begun to experience the problems of relatively slow progress in our poverty programmes, as the Malays and the indigenous groups constitute the bulk of the poorest income earners in this economy.

To take another example, employers in the private sector have interpreted the New Economic Policy objective of racial balance in employment to mean merely that they must have a certain proportion of their workforce from among Malays. Even here, they have not, in many cases, paid heed to the need to ensure that opportunities are provided for Malays all along the job hierarchy and not merely at the level of the crude labour force. Many employers have then gone along in the comfortable feeling that they have complied with the New Economic Policy, much to the detriment of the other disadvantaged groups in Malaysian society.

It is important that we recognise the full scope of the New Economic Policy and ensure that early in the time horizon set for the achievement of the goals of this Policy, all sections of Malaysians understand, accept and implement these objectives. If sustained efforts are not made in this direction, Malaysian society will continue to carry the burden of polarisation among the races, and national unity will be all the more difficult to achieve. We have to bear in mind that, unlike most policies of most governments, the New Economic Policy has its sights on a generation ahead. Being so, it is critical that all sections of Malaysians, both old and young, appreciate the significance of what we are endeavouring to do.

I would think that education institutions, as well as adult groups, must be the important areas of focus for the widespread dissemination of the goals and strategies of the New Economic Policy. As the days go by, one begins to have a feeling that polarisation among the races may be becoming even more

sharp in the higher educational institutions. This is regrettable, as it is these very institutions that will produce the bulk of the men of action and the leaders of tomorrow. I hope that the Cabinet Committee on Education, under our new and able Minister of Education, will go into this question, along with the other questions of curriculum and manpower needs. I also hope that the Third Malaysia Plan now being formulated will lay down much sharper criteria and a clearer focus for the goals of the New Economic Policy and that all levels of Government, social and political leadership will be brought to have the same focus in the same direction to achieve these very important goals of our Nation.

Turning to housing, Sir, His Majesty's Address very correctly laid stress on the importance of housing and indicated the Government's intention to encourage the greater use of timber in building construction. With the increasing pace of urbanisation and the growing pressure on rural land, this attention to provide adequate housing is none too early. The need to provide adequate housing with at least a modicum of amenities, befitting sanitary and modern living is very pressing indeed. The description of the sordid state of affairs is contained in a publication of the Statistics Department in March, 1974. I quote:

"Some 2,890,000 Malaysians lived in 1970 in over-crowded rooms—this accounts to nearly 25% of all living quarters.

Nearly 815,000 living quarters, or 56.3% of the total, lacked electricity.

Some 360,000 quarters, 53% of the total, needed piped water supply.

Some 20% of all living quarters lacked toilet facilities of any kind.

Nearly 64,000 units required total replacement because of their dilapidated condition. All in all, some 815,000 units of living quarters some 56% needed some kind of improvement or other to bring them to acceptable standards.

The Statistics Department publication also contained an idea of the demand for new housing up to 1990 under various assumptions of needs. The most modest of these projections of demand, keeping present household density patterns, indicate that we would need to construct at least an average

of 96,000 units per year in order to clear the backlog of requirements and provide for population growth and normal replacement. This means also that, to maintain standards, in addition to the present backlog of the inadequacies of water, lighting and sanitation, these new units would also require these services.

Mr Speaker, Sir, these statistics of standards and requirements speak for themselves. I know of no statistics of supply of housing or of these amenities which anywhere match this order of requirements. What is of greater concern is that programmes which are designed to cater for these massive shortfalls in housing for the poor and lower income groups are miniscule when compared with the needs, as most of the shortages indicated in the statistics are shortages of housing within the means of the mass of Malaysian low income groups. The large housing programmes that we see around Kuala Lumpur and other cities are not of the low-cost type—the cheapest units are of the \$17,000 to \$20,000 range much beyond the capacity of ordinary worker families to purchase with anything less than \$400 income per month. Even where these are being built, the poor are in no position to beat the well-to-do speculators who appear to know well in advance regarding plans to construct any type of housing.

The issues in housing, Mr Speaker, Sir, are not just issues of providing a roof over the heads of the mass of Malaysian families. They relate more to the creation of living environments for Malaysians which are conducive towards alleviating the lot of the poor and towards developing their and their children's full productive capacity. This becomes a vital requirement under the aim of the New Economic Policy to eradicate poverty among Malaysians within a generation.

Adequate housing and amenities of living becomes an important issue in improving the life chances of the poor, in all their ramifications. It can be of tremendous significance in our efforts to cushion the effects of "stagflation" which His Majesty's Address referred to. Housing construction and the provision of household and public amenities can be a powerful weapon in the armoury to pep up the softening economy. This weapon becomes all the more powerful where a substantial

portion of the housing is based on timber—a resource which we enjoy in plenty and which has been the first commodity to be hit by the recession already gripping the industrialised world.

The new Ministry of Housing and New Villages should deal with this matter in its proper and important perspective. I hope that the “new ideas” on housing mentioned by His Majesty are only the small tip of a massive iceberg in the new Ministry’s thinking and programmes for the future. The time indeed has come for a comprehensive National Housing Policy and Programme, which spells out the main elements of this strategy including Federal and State relationships, design, organisation and management of the programme, the financing of the programme and its pace and scope.

I would merely like to mention here a few aspects which I hope will form an integral part of such a programme.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah sampai!

Tuan K. Pathmanaban: While speed is important, the massive scale on which the housing programme needs to be undertaken should be remembered. Secondly, the bulk of the housing requirements should be for workers and other self-employed groups in urban and rural areas. Methods of financing must, therefore, be sought which bring home ownership within the effective reach of these lower income groups. Otherwise, we will continue to be plagued by slums and squalor and illegal constructions.

We should avoid, thirdly, the pitfall of creating new slums, devoid of proper planning, of adequate drainage, sanitation and so on. We should, therefore, pay due heed to the necessity for planning, site preparation, the provision of amenities and maintenance of essential sanitary services.

Fourthly, the housing programme must provide for a more enduring experience of multi-racial life in Malaysia and not lead to greater concentration of the races. Besides the psychological factors involved, such mixed housing would be an important factor in ensuring racial balance in commercial and industrial employment by providing a mixed labour supply.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You can wind up.

Tuan K. Pathmanaban: Most of the housing will, in the final count, have to be undertaken by State Governments and State Authorities. The financing of such programmes and the management of such programmes should be attended to with careful attention. Unfortunately, I think, there is no Federal Agency at the moment which looks at the whole spectrum of the housing problem, including amenities. This is more so at the State level, where the S.E.D.C.s are plagued with burdens of creating industries and so on.

4.32 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah dilantik untuk memegang amanah memimpin Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin memperkenalkan kepada Dewan ini Kawasan Jerai yang saya menjadi wakilnya kerana segala butir-butir perbincangan selanjutnya saya asaskan kepada penyelidikan yang saya buat di dalam kawasan ini.

Kawasan Pilihanraya Jerai mempunyai sebuah gunung dan empat buah pulau kecil yang menarik. Kami juga bernasib baik mempunyai sebuah tanjung dan dua buah air terjun yang merupakan tempat pelancungan yang diingini oleh penduduk-penduduk yang mengetahuinya. Di salah sebuah air terjun ini kita mempunyai sebuah jambatan pontoon peninggalan British. Jerai juga mempunyai 9 buah sungai dan 6 buah taliair. Dengan bantuan Kerajaan sejak merdeka, maka kami bernasib baik mempunyai 22 buah Sekolah Kebangsaan aliran Melayu, 10 buah Sekolah Rendah aliran China ditambah pula dengan dua buah Sekolah Menengah. Lebih 12,000 orang pelajar datang dari 129 kampung dari 5 mukim dalam kawasan ini. Syukur Alhamdulillah kerana kawasan kami juga mempunyai 5 buah sekolah agama dan 27 buah masjid di mana masyarakat Jerai dapat menjadikan pusat tumpuan untuk beribadat. Dari segi ekonomi kawasan kami bernasib baik dengan adanya projek

penanaman padi dua kali setahun dan di dalam kawasan ini kita mempunyai tiga pusat kilang LPN. Dengan ini berertilah bahawa 55,391 orang penduduk di dalam kawasan ini yang menduduki 12,069 buah rumah mempunyai cukup kemudahan alam dan kelengkapan-kelengkapan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia, sementara memperbudakkan diri kepada Allah, semoga mendapat tempat yang istimewa di akhirat. Selain dari mempunyai tanah sawah yang luas, Jerai juga mempunyai 47,331 ekar getah yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyanjung tinggi cita-cita Kerajaan untuk melancarkan rancangan perumahan yang lebih intensif dan kami berharap rumah-rumah baru ini tidak akan menjadi rumah-rumah tambahan untuk pegawai yang lebih mewah dan kalangan yang berada sahaja. Kami juga berharap semoga di bawah pimpinan Menteri Pelajaran yang baru, yang akan menumpukan perhatian kepada sekolah-sekolah di luar bandar, maka satu perubahan besar akan berlaku kerana ada sekolah di dalam Jerai mempunyai alat kelengkapan yang dipusakai dari penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang mendengar mengenai kecantikan alam Jerai tentulah terasa oleh mereka bahawa penduduk di sana sangat bertuah. Malangnya, sejak zaman penjajah dengan Perjanjian Pertahanan dengannya, sebuah daripada 4 buah pulau di kawasan saya telah menjadi sasaran untuk berlatih mengebom oleh Angkatan Udara salah sebuah negara sahabat. Saya percaya keadaan negara kita cukup aman dan suasana politik cukup tenteram dan dasar luar Malaysia baik terdengar sehinggakan penduduk Jerai berpendapat perjanjian mengebom di sebuah pulau disemak semula supaya lautan pulau dan gunung dapat dinikmati sebagai tempat pelancungan. Oleh kerana pengeboman ini, maka ikan-ikan di laut telah lari ke tengah lautan kerana tidak tahan getaran air lantaran bom tadi menyebabkan nelayan-nelayan dengan kelengkapan yang paling sederhana kekurangan pendapatan.

Kebanyakan penduduk Jerai tidak mengerti erti perkataan inflasi. Tetapi mereka mendemitainya. Saya mengucapkan tahniah atas usaha Kerajaan untuk mengurangkan inflasi. Perkataan anti-sorok, credit squeeze, tanda

harga sudah menjadi buah mulut orang ramai, sementara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menjalankan satu usaha untuk membasmi anti-sorok. Kita juga bersyukur kepada Allah Subhanahu-wataala, kerana kita mengetahui bahawa usaha pekerjaan anti-sorok adalah satu ibadat, kerana sorok ini adalah satu yang dikecam oleh ugama Allah sebagaimana yang terdapat di dalam Hadith "Miskat-ul Masabih".

Bagi penanam-penanam padi pula, kita dengar tanaman dua kali setahun. Dengan adanya penanaman dua kali setahun kita sudah mula menyelesaikan masalah negara dengan mengurangkan impot beras. Kita juga dapat mempertahankan penderitaan peladang dari bertambah, tetapi kita belum menyelesaikannya. Bertambahnya pengeluaran padi dapat diseimbangkan dengan kenaikan harga barang dan kenaikan upah tanam dan mengerat. Kita ucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan atas subsidi baja yang diberi. Tetapi kita belum menyelesaikan masalah riba menekan umat, kerana masalah riba ini masih bermaharajalela di kawasan-kawasan utara Malaysia di mana terdapat kaum-kaum tani tertekan dengan padi kunca dan masalah-masalah yang lain. Kita tidak memperkecilkan usaha pemerintah dalam usaha mereka untuk membantu petani, tetapi tiap masalah dan tiap penyelesaiannya itu menimbulkan masalah-masalah yang lain dan apa yang kita bicarakan adalah fakta-fakta hasil daripada penyiasatan dan bukan kata-kata yang tidak berasas sama sekali.

Dalam satu penyelidikan yang telah dijalankan, didapati 6,500 petani yang mengusahakan 50,000 ekar tanah telah meminjam dalam masa satu tahun, daripada peminjam wang, sebanyak \$7 juta dengan membayar bunga sebanyak \$5.6 juta pada tiap-tiap satu tahun. Nama-nama 6,500 petani ini ada pada saya dan tempat-tempat mereka bersawah juga ada dan saya juga mengetahui sumber-sumber di mana mereka mendapatkan pinjaman wang \$7 juta untuk kegunaan mereka itu. Kalau kita kaji semula penderitaan yang dihadapi oleh petani, maka tidak patut petani-petani yang 6,500 orang ini membayar \$5.6 juta pada tiap-tiap tahun kepada mereka yang sudah pun mendapatkan peluang meminjam wang daripada bank-bank swasta yang besar-besar di negara ini.

Oleh itu, kita mengesyurkan kepada pemerintah supaya menjalankan penyelidikan semoga credit squeeze ini terkena juga kepada mereka yang meminjam wang untuk dipinjamkan semula kepada petani-petani yang membayar faedah sebanyak sampai 80% satu tahun. Sekarang ini dengan adanya Lembaga Persatuan Peladang dan usaha-usaha C.G.C. pembayaran riba ini sudah turun ke 60% dan tidaklah hairan bagi kita yang beragama Islam bahawa riba itu diharamkan oleh Allah subhanahu wataala. Satu rancangan ekonomi yang saya rasa menjadi ibadat adalah jika sekiranya pemerintah kita dapat mengadakan satu institusi dengan modal yang sekurangnya \$40 juta, khusus untuk menjalankan usaha membasmi masyarakat riba yang bermaharaja-lela di negara-negara di mana petani-petani menderita.

Kita mendengar pihak Pembangkang berbicara mengenai gaji rendah dan gaji tinggi, tetapi bagi kaum tani pilihannya adalah antara ada gaji dan tidak ada gaji. Kita mesti jangan lupa sementara kita dibawa ke alam di mana kita ingin gaji yang lebih, untuk memahami dari perspektif yang lebih mendalam, kerana pilihan bagi setengah penduduk di negara ini bukan antara "high income" atau "low income" tetapi pilihan mereka adalah antara "low income" dan "no income". Oleh itu, saya berharap jangan sekali-kali pihak Pembangkang memikirkan bahawa masalah lain sudah selesai sehingga ada yang memberi implikasi semoga FIDA jangan mengeluarkan siaran-siaran mengatakan bahawa Malaysia ini capitalists paradise. Saya percaya tidak akan ada capitalist yang akan datang ke sini dan tidak akan bertambahnya employment kalau FIDA mengeluarkan risalah dengan tajuk "Capitalists Hell" ataupun kita keluaran satu risalah yang menyatakan "lost paradise", ataupun satu tempat di mana kapitalis-kapitalis akan merasai kerugian-kerugian yang besar. Kalau kita mementingkan employment, maka sudah tentu kita mementingkan kapital daripada luar dan jika kita mengharapkan kapital daripada luar, maka sudah tentu kita memerlukan lebih ramai kapitalis untuk datang ke negeri ini. Apa yang dipersoalkan bukan "brochure" kerana itu perkara kecil, apa yang dipersoalkan di sini sepatutnya ialah apakah kita mahu "employment" ataupun "no employment" kerana kita yakin bahawa dengan

adanya employment untuk semua sudah tentu taraf hidup kita lebih baik daripada tidak ada employment langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dalam penyelidikan tadi, telah mendapati bahawa modal \$7 juta yang didapati oleh peminjam wang dari utara Malaysia di kawasan jelapang padi ke semuanya wang itu datang-nya daripada bank-bank swasta dan kita tahu apabila mereka meminjam wang ini dengan banyaknya, mereka menggunakan wang itu untuk menekan petani, maka mereka itu perlu diawasi ataupun diharamkan sahaja daripada masuk ke kawasan-kawasan ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada hubungan gaji dan keuntungan, kerana sekarang ini kita dapati tiap-tiap makhluk yang berada di negara ini inginkan gaji yang lebih. Kita memang mengakui bahawa gaji yang lebih itu sesuatu yang dikehendaki oleh semua rakyat termasuk anggota Dewan ini sendiri, tetapi gaji yang lebih itu hendaklah di-seimbangkan dengan keuntungan yang diperoleh oleh swasta, kerana kita takut kalau-kalau lantaran desakan untuk mendapat gaji yang lebih tiba-tiba kita lihat, sebagaimana di negara-negara Eropah sekarang ini, banyak kilang-kilang yang menghadapi kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa sejak pilihanraya, Kerajaan dengan Kabinet Bertindaknya, akan membuat berbagai macam program. Kita akan mempunyai program pelajaran yang hebat, dan kita akan melihat Rancangan Pembangunan Ekonomi Malaysia Ketiga yang juga hebat dan kita juga berharap dengan adanya pelaksanaan di lapangan pelajaran dan ekonomi yang lebih berkesan lagi maka di masa-masa yang akan datang, kita akan mendapati masyarakat yang mewah ataupun lebih mewah daripada sekarang dan yang mempunyai akal ataupun masyarakat yang lebih bijak. Tetapi kebijaksanaan dan kekayaan sahaja tidak menjamin bahawa negara kita ini akan menjadi satu negara yang aman dengan satu masyarakat yang bahagia. Kita percaya banyak masalah yang dihadapi oleh negara-negara Barat ialah kerana masyarakatnya pandai-pandai dan mempunyai wang yang banyak, tetapi kekurangan akhlak. Oleh itu, kita ucapkan tahniah kepada pemerintah atas tertubuhnya Badan Dakwah Nasional di negara ini dan

kita berharap supaya Kerajaan memberi kebebasan yang seluas-luasnya untuk badan-badan belia membuat dakwah di seluruh negara tanpa sebarang halangan. Saya percaya dengan adanya satu pemerintahan yang bersih, tidak ada apa yang patut kita takut sehingga ada setengah-setengah pihak yang berkuasa yang telah menghalang angkatan-angkatan pemuda yang berdakwah daripada membuat dakwah di dalam masjid-masjid, balai-balai raya dan surau-surau.

Selain daripada itu saya ada menerima sepucuk surat daripada seorang pekerja kilang yang menyatakan bahawa majikan kilang itu tidak akan memandang sama antara pekerja-pekerja yang sembahyang pada hari Jumaat, dan lambat datang ke kilang, dan pekerja-pekerja yang tidak sembahyang pada hari Jumaat yang ada dalam kilang waktu orang sembahyang. Dalam surat ini beliau menyatakan, "setelah saya membentangkan isi surat ini dalam Dewan ini maka terpulanglah kepada Dewan ini untuk bertanggungjawab atas semua pekerja kilang yang tidak datang sembahyang Jumaat kerana di halang oleh majikan-majikan mereka." Walaupun majikan mereka tidak menghalang secara khusus, tetapi kita berpendapat ada kilang-kilang yang kita tahu seperti sebuah kilang tepung, sebagai contoh yang membebaskan atau menutup kilangnya pada hari Sabtu untuk "Sabbath" dan kita rasa menutup kilang pada hari Jumaat, memberi waktu yang lebih panjang sekurang-kurangnya adalah satu usaha yang baik supaya kita tidak terdapat satu masyarakat di mana material sahaja yang dikejar, tetapi mereka melupakan nilai-nilai yang lain seperti nilai ugama.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Jerai, selain daripada masalah-masalah yang saya bentangkan sebagai masalah pokok yakni masalah penekanan riba yang menyeluruh di seluruh negeri Kedah, Perlis, Seberang Prai dan Utara Perak, dan selain daripada masalah pelajaran anak-anak yang banyak tercicir tentu ada masalah letrik, air dan jalan-jalan yang pada waktu ini saya fikir belum sampai di peringkat atas dari segi prioritas. Walau bagaimanapun kita mendoakan semoga di masa-masa yang akan datang tumpuan yang lebih yang dijanjikan semuanya itu akan menuju ke kawasan desa dan kita berharap ada industri-industri yang

akan dibuka di kawasan-kawasan yang sekarang ini ketinggalan dengan industri-industri.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pembicaraan saya di dalam menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

5.10 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan, dan saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I rise to support the Motion moved by the Honourable Member for Padawan. We from this side of the House thank His Majesty for the most comprehensive statements in His Royal Address—all those statements and problems that obviously require attention of the Government. Yang Berhormat the Member for Padawan under-pinned the need for rural development in a State like Sarawak which hinges on the provision of rural feeder roads. I entirely agree with this, though I must admit that I was somewhat confused yesterday because Yang Berhormat the Member for Padawan was himself in the last State Cabinet of Sarawak, in charge of the Ministry of Communications and Works, the very Ministry which obviously is responsible for implementing this sort of policy. I regret, knowing his views, that he had not taken the opportunities when he had them to do so.

Mr Speaker, Sir, I take the example of Sarawak to generalise the point that the Government has the privilege not only to pronounce policy statements but also the responsibilities to implement them with absolute fairness and with absolute sincerity. I shall touch on three main points.

The Chairman of the Election Commission issued a public statement appearing in the *New Straits Times* of 16th September 1974, and I quote his statement. First he said:

"The election campaign in Sarawak was all but clean. Campaigning which should have stopped after 23rd August went on right through the polling period in public speeches, including religious gatherings, the Press and the Radio".

Another statement says and I quote:

"In one particular area, Marudi town, where I have been, posters in Chinese were put up a day before polling day, all over the town and I was told some were of communal in nature".

The third statement that I would quote says:

"Surprisingly no Police were around to stop or arrest those who flouted the election laws".

Apparently, the Election Commission had never given permission for campaigning to continue after August 23rd. It is of secondary importance whether all candidates did campaign after August the 23rd. The relevant question, Mr Speaker, Sir, is: "Who usurped the authority and the power of the Election Commission and why was it necessary to usurp that power?"

Mr Speaker, Sir, the staggered announcement of the result of the election in the State of Sarawak started on August 24th and with it the shock defeat of one of the strongest candidates of the Barisan Nasional in the State seat of Kuching Timur. It was after this result was announced that instructions were issued to allow campaigning to continue. The Sarawak National Party, Mr Speaker, Sir, has no control over the use of the machinery of Government. We have no access to the radio, we have little access to the Press. Any access to these institutions of the Government must be from the Barisan Nasional.

One newspaper, which attempted to show some sympathy with SNAP in publishing past public statements of some leaders of the SUPP, a member of the Barisan Nasional, was suspended from publication. Communal posters in Chinese with the following translation, if I may quote, "To vote SNAP means to destroy the whole future of the Chinese" were put up in various towns.

These are not the activities of the Sarawak National Party. We reported it to the Police but surprisingly, as testified by the Chairman of the Election Commission, and I quote his statement, "The Police were not around to stop or arrest those who flouted the Election laws".

On the 9th of September, Yang Berhormat the Member for Payang, in his capacity as an elected Member for the State constituency of Kuala Rajang, on the first opportunity of the National Front obtaining a simple majority rushed to be sworn in as Chief Minister of Sarawak before the completion of polling in the State. Final polling was on the 14th of September. There was at that time, Mr Speaker, Sir, already in existence and functioning a caretaker Government delegated with sufficient authority to administer the State. The rush cannot therefore be interpreted in terms of logistic argument. What, therefore, are the reasons? Would it be that these are planned strategy of campaigning in order that the position of Chief Minister can be used to intimidate voters to vote for the National Front.

I could go on to quote a few other examples—the threat of withdrawal of development fund, misuse of Civil servants and Government machinery. But, Mr Speaker, Sir, we from this side of the House and we from the Sarawak National Party, it is my privilege to assure you, are reasonable men. We can understand that canvassers can get carried away with certain excessive enthusiasm. But when the infringement of laws and regulations is planned and executed by the leaders of the National Front in Sarawak, then the whole objective seems to me to be an example of an exercise in Machiavellian political manoeuvring whose only objective is to grasp power at any price, at any cost, including the decimation of the right of the voters to choose their representatives freely.

If we truly believe in Parliamentary democracy, as stated by His Majesty in his Royal Address, then we must prevent the spread of such tendencies which will further undermine our political system. We must restore the confidence of the voters in Parliamentary democracy as a viable system of Government for Malaysia. The Sarawak example is just an example. SNAP, therefore, proposes in order to restore this confidence that, firstly, a public Commission of Enquiry be appointed to investigate and report on the conduct of the election in Sarawak. The Barisan Nasional has accused SNAP of many allegations. We, in our turn, as I am doing now, accuse them of many others. We have a right to express our views, as they

have a right to express theirs. But the public, Mr Speaker, Sir, have the right to know the truth. Let the Commission point out who is at fault.

Secondly, a lot of this infringement might have been encouraged or might have been the result, because the announcement of polling and election in Sarawak this time was made in a staggered form. It is essential for future elections—and we insist for future elections—that the counting of voters and polling be done simultaneously. If it is for logistic reasons that it is difficult to get people to man polling teams and polling stations, that reason, whatever it is, must be subordinated to the need to ensure that voters get free election, fair election.

Mr Speaker, Sir, yet despite these various disadvantages, after all the excesses that the National Front has done in Sarawak, the Front has failed. A comparison of the 1970 figures with the 1974 results show a glaring attrition of voters' confidence in the present Barisan Government in the State of Sarawak.

For the Parliamentary Seats, 51% popular votes for 1974 were cast to the Barisan Nasional Candidates as against 70% cast in 1970. In 1974, 62% of the number of Parliamentary Seats were captured by the Barisan Nasional Government. A similar number of percentage was captured in 1970. For the State seats, also 51% popular votes went to Barisan Nasional for 1974; in 1970, 75% popular votes. Similarly, for 1974, 62% of the seats were captured in the State by Barisan Nasional, in 1970, the percentage was roughly 77%.

A more meaningful point is to analyse the seats returned by constituencies and by communal breakdown of registered votes in those constituencies. This analysis would suggest that a serious trend in Sarawak politics is coming. I refer to the trend towards political polarisation along communal lines. Invariably, with the sole exception of the State constituency of Limbang, which was won by Yang Berhormat Datuk James Wong, constituencies where at least 40% of the registered voters are Malays, returned the Barisan candidates. The National Front in Sarawak emerged as a party that represents the coastal areas of Sarawak. It has been priggish in the urban areas. It has been

rejected in the rural areas. It cannot claim to have the solid support of the voters in Sarawak.

Other speakers from this side of the House have already referred to the election results in Semenanjung Malaysia. I am referring to the result in Sarawak. The Government must give a correct interpretation of that result.

Mr Speaker, Sir, His Majesty also touched on the Rule of Law. I would not have referred to this subject this afternoon except for certain further development in the Sarawak State. Two days ago, the office of an Election Agent of one of our candidates, the Honourable Member for Bintulu, was sealed by the police. Now, why was this necessary? When I read that incident in relation to the arrest of Yang Berhormat Datuk James Wong and the other Sarawak National party leaders in Sarawak on the 10th and 30th October, 1974, then, Mr Speaker, Sir, I feel very sad. I feel very sad because it does seem to me to be an attempt on the part of those in authority to use the Preservation of Public Security (Detention) Regulations 1962 of Sarawak for the preservation of the Barisan Nasional Government at whatever cost in the State of Sarawak.

Internal dissent and internal checks and balances within the National Front in so far as it applies to Sarawak had not worked. It puts too much responsibility on one man, and not many men, Mr Speaker, Sir, can accept that responsibility and exercise it with responsibility. Constitutional safeguards are instituted more to protect the future, not the present, and the fact that some people might not abuse that power is no guarantee that that power will not be abused in other hands. Mr Speaker, Sir, SNAP will keep on snapping.

Mr Speaker, Sir, I would like again to touch on a third point, on national unity, a point which has been very eloquently elaborated by the previous speaker. We from the Sarawak National Party have been accused of parochialism, and perhaps my speech this afternoon is interpreted in that light. If it is being parochial to explain the issues unique to the State of Sarawak, then we are being parochial and we make no apologies for being so. Sarawak is a "problem child" if she is treated as a problem child. For reasons of

national unity Sarawak must no longer be regarded as an appendage of the Malaysian Federation. It must no longer be asterisked to be footnoted in small print under the foot of the column. The London Agreement upon which the Malaysian Federation was created must be accepted both in the letter and the law. I make this comment for two reasons:

- (1) In the *New Straits Times* of 7th November, 1974 there was a report carrying the intention of PETRONAS to negotiate with the various State Governments on the transferring of licences granted to oil companies now engaged in the search and exploitation of oil in Malaysia. I hope for the sake of the spirit of that Agreement when negotiation does take place the rights to the Continental Shelf contiguous to the State of Sarawak in the light of the 1958 Geneva Convention be respected as belonging to the State of Sarawak.
- (2) The second reason why I raise that point is that for the sake of national unity, the Government must recognise that the variables of population breakdown in the State of Sarawak differ from that in Semenanjung Malaysia. The equation that results and the possible solution that must emerge might therefore differ. This point is important in the implementation of the New Economic Policy. The New Economic Policy has tended in the State of Sarawak, in its implementation, to ignore, or not to sufficiently take into account, that the non-Malay bumiputras in Sarawak form 44.2% of the State's population. The non-Malay bumiputras—my Honourable friend here, the Honourable Member for Saratok, the Honourable Member for Baram and all the Honourable Members from the Sarawak National Party behind me—are also bumiputras by the definition of law. What we request the Government to do is that they be made bumiputras in effect and in the implementation of that policy. Mr Speaker, Sir, it is my considered view that this has not been sufficiently done. It is my considered view also and I submit this with all humility, that this must be corrected immediately. For the sake of national unity, which is one of the main objectives of the

Second Malaysia Plan and a fundamental objective of the New Economic Policy, the Government must accept that responsibility.

Mr speaker, Sir, the voters in Sarawak have expressed their view very clearly that the dissatisfaction of the rural people is definite, and I urge the Government to accept that view.

5.26 ptg.

Tuan Lew Sip Hon (Shah Alam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini, dan di samping itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya yakin dengan pimpinan dan panduan yang matang dan bijaksana berdua urusan Dewan yang mulia ini boleh dijalankan dengan lebih licin dan sempurna.

Saya dengan sukacitanya memberi sokongan penuh kepada usul Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana Titah di-Raja sempena merasmikan Penggal Pertama di dalam Parlimen Keempat ini bukan sahaja telah memberi penerangan lengkap atas kejayaan-kejayaan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, tetapi telah juga memperlihatkan kepada kita inspirasi serta harapan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam lapangan siasah, sosial dan ekonomi pada tahun hadapan dengan lebih yakin lagi.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah di-Raja menyeru rakyat Malaysia mengujudkan satu masyarakat yang benar-benar bersatu-padu yang berdisiplin dan terlatih. Untuk mencapai matlamat ini saya mengalu-alukan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk menyemak pelaksanaan dasar pelajaran. Saya rasa masyarakat kita mestilah ditanam dengan kesedaran Malaysia (Malaysian consciousness) dan mempunyai identiti Malaysia. Padanya mestilah ada taat setia kepada negara (sense of belonging) dan rasa penyertaan (sense of participation) yang mesti bermula dari bangku sekolah.

Dalam perkara ini mustahak diberi peluang kepada semua belia-belia memperoleh pelajaran mahupun dalam tingkat rendah, menengah atau tinggi dan kemahiran teknik supaya mereka boleh memainkan peranan sewajarnya dalam pembangunan negara. Dengan itu, saya mendesak Kerajaan menyediakan peluang-peluang yang sesuai selaras dengan dasar pelajaran nasional untuk pelajar-pelajar yang ada kelayakan untuk melanjutkan pelajaran mereka di sekolah menengah dan institusi-institusi pelajaran tinggi. Kalau tidak kita hanya menambahkan ramai bilangan golongan intelek muda yang putus asa yang mungkin menyalahgunakan bakat mereka.

Izinkan saya melanjutkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris untuk menyudahkan penerangan yang menyetuh soal ekonomi. Walau bagaimanapun, saya akan kembali menggunakan Bahasa Malaysia dari masa ke semasa

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia Yang Berhormat sudah cukup baik.

Tuan Lew Sip Hon: Tetapi saya hendak bercakap dengan lebih terus terang lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah!

Tuan Lew Sip Hon: (*Dengan izin*) I feel that in order to build a united, harmonious and just Malaysian society we have to overcome what has often been called the Generation Gap, i.e. the problem of our youths.

Since Merdeka, a new generation of Malaysians is growing up and each year about 200,000 voters are being added to the electoral rolls. These young Malaysians are in most cases better educated than their fathers, and are no longer content to undergo the privation and poverty which their fathers and forefathers before them suffered. They live in an age of rising expectations and consequently expect and want a better standard of living. They are attracted by the bright lights of the towns and cities, and like youths anywhere in the world, are full of ideas, restless at times but always demanding a change, for better or for worse! Rock and roll, hippyism, L.S.D., unisex, placard carrying and slogan chanting, etc are all symptomatic of this urge for change and represent an escapism from the grim and sombre realities of life. It is to the bridging

of the so-called "generation gap" and fulfilling the aspirations and ideals of our youths, which form 60% of our population and stemming the tide of youth unemployment which we have to address ourselves today. The next few years are challenging ones and the way in which we Malaysians, of whatever ethnic origin respond to the challenge of nation building, will determine whether Malaysia as a nation will survive and prosper. As our beloved Prime Minister Y.A.B. Tun Abdul Razak said in his Hari Kebangsaan message just a year after May 13th and I quote "Malaysia tomorrow will be what Malaysians make it today". I call on all Malaysians to play their part and to be imbued with a new dynamism and a new driving force so that we can forge ahead to make Malaysia a united, peaceful and prosperous nation.

All Malaysians must first accept a number of basic changes in their thinking. All Malaysians must realise that if they are citizens of Malaysia, no matter what their ethnic origin may be, as many were born and will no doubt die in this country, they need to integrate their system of values to a common Malaysian way of life and thinking. They must first think of themselves as Malaysians and second only as Malays, Chinese, Indians, Ibans etc. We need a new mental outlook and attitude which is re-orientated to a Malaysian value system under which all the divisive factors in our society can be bridged. Only then can we have a united Malaysian nation.

His Majesty the Yang di-Pertuan Agong in his Royal Address referred to the worldwide stagflation which is staring Malaysia in the face, but I am impressed by His Majesty's words of wisdom in which he advised all Malaysians, in facing the problem of stagflation, not to despair but to be aware of our strength because such challenges will also bring hidden opportunities for the future. It is true the energy crisis last year has greatly affected the economies of the industrialised countries of the West, and there is a fair amount of gloom concerning the economic prospects for the rest of 1974 and 1975. One wonders whether in fact the Western industrialised countries are talking themselves into a recession! There is no doubt that there has been a slow down in the economic growth of the industrialised

nations of the West, and in this age of world interdependence, it is fair to say that the recession in the West has an important bearing on the Malaysian economy, particularly as we are still influenced to a considerable extent by the performance of our export sector. But I suggest that we in Malaysia should not talk ourselves into a recession. This does not mean that we need to bury our heads in the sand like the proverbial ostrich and be unmindful of the world economic situation. We must plan for the worst but hope for the best.

Admittedly today there are the signs of recession but whether the recession will continue well into 1975 will depend on such macro-economic parameters which will determine the GDP growth rate (or the growth in the Gross National Product.) These are:

- (i) rate of inflation and what steps can be taken to keep inflation in check;
- (ii) the rate of interest, or to put in other words, the cost of capital;
- (iii) energy costs, i.e. present and future crude oil prices, and
- (iv) balance of payments.

It has been estimated that something like US\$40 billion has been syphoned from the industrialised countries to the oil producing nations out of which US\$30 billion cannot be utilised for development in their own countries and is too expensive as short-term loan funds. Unless a way is found to recycle such large funds for economic development on a long term basis, economic growth both in industrialised and developing countries may be in jeopardy. There is existing in the world today both the optimistic and the pessimistic view of what the GDP growth rate is likely to be, ranging from $5\frac{1}{2}$ —6% per annum at the optimistic end and to $2\frac{1}{2}$ —3% per annum at the pessimistic end. Fortunately, no one is expecting zero growth.

What does all this mean to the Malaysian economy? The first signs are the fall in demand and the consequent decline in the prices of our export commodities such as rubber and timber. I am glad that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong in his Royal Address stressed that the Government is taking a serious view of this and steps will be taken to face the problem. What the

measures are will, I hope, be explained in detail in the Honourable Minister of Finance's Budget speech next week.

However, it is important to stress that inflation is still with us, and although last year we witnessed the remarkable performance of our primary export commodities which contributed to an exceptionally high GDP growth rate of 20.4% in 1973 (whereas in 1971 and 1972 GDP grew by 5.6% and 7.5% respectively), the growth in real terms was only 6.9%. In other words, what we have gained in our export sector performance seemed to have been wiped out by domestic inflation. For instance, in 1973 whilst GDP grew by 20%, the price index is reported to have increased by 18% in November, 1973 as compared with November 1972. No economy, however strong the export sector, can continue to withstand such inflationary pressures, and with recession looming in the horizon, the continuing inflation in the face of declines in the prices of our major export commodities is today one of the most serious problems facing the economy.

However, with the experience of the Great Depression of the early 30's, and the emergence of the Keynesian school of economists, the Cambridge School, there are ways and means of pumping the prime, to combat recession but I do not think I need comment until we have heard from the Honourable Minister of Finance of the measures which Government proposes to take. What has so often been stressed however is that Malaysia, being essentially an agricultural country has the resilience to withstand the onslaughts of the economic blizzard that is now descending on us, and the way out is to encourage our people to go back to the land and grow more food so that we can be self-sufficient in our staple foodstuffs. In this connection, I would like to call on the Government to provide opportunities for the poor and the landless to move into the modern rural sector especially in land development schemes of the Fel'da type. Land development, either of the organised Fel'da type or simply alienation of land to the landless poor in the urban areas, provides an ideal instrument not only to overcome the recession but for eradicating poverty, irrespective of race, which is one of the prongs of the New Economic Policy.

His Majesty, the Yang di-Pertuan Agong referred to the new approach which Government will adopt with regard to public housing. There is no doubt that the present rate of building of low cost houses is a far cry from the needs of our low income groups for better amenities.

Sudahpun diperkatakan bahawa satu-satunya faktor utama untuk menyemai perasaan yang seseorang itu mempunyai hak di negara ini ialah dengan menggalakan suatu masyarakat demokrasi yang mempunyai hak memiliki rumah (house-owning democracy). Perkara yang penting sekali ialah mengadakan lebih banyak lagi rumah-rumah murah untuk orang-orang yang berpendapatan rendah. Dengan itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan menggalakan banyak lagi rancangan-rancangan usaha bersama dengan sektor swasta bagi mendirikan rumah-rumah murah, sekiranya sektor awam tidak mampu berbuat demikian; caranya ialah dengan pihak Kerajaan Negeri mengadakan tanah dan pihak swasta mendirikan rumah-rumah di situ dengan syarat harga dan peruntukan rumah di kawal oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, saya mengalu-alukan langkah-langkah atas penggunaan bahan-bahan binaan tempatan seperti kayu-kayan dan sebagainya supaya harga rumah-rumah itu menjadi rendah.

Akhirnya, saya rasa adanya jurang yang memisahkan Kerajaan dengan rakyat jelata (creditability gap between the Government and the people). Jurang ini adalah hasil dari adanya perbezaan di antara dasar Kerajaan dengan pelaksanaannya. Ataupun ini berbangkit dari ketiadaan suatu alat penerangan di pihak Kerajaan untuk memberitahu pihak awam bagi memahami kehendak dan tujuan dasar-dasar Kerajaan itu.

Mass Communication is today a science and in our multi-racial society, it is also an art, the art of winning the hearts and minds of our people. Sukalah saya mencadangkan bahawa suatu rangkaian perhubungan (Communications network) di antara Kerajaan dengan orang awam dapatlah diwujudkan supaya segala dasar-dasar Kerajaan dan usaha-usaha melaksanakannya dapat diberitahu kepada orang-orang ramai dari peringkat yang serendah-serendahnya (at grass root level) supaya dapat disalurkan balik segala perasaan dan reaksi rakyat kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan. Dalam bidang ini

pemimpin-pemimpin politik di segala peringkat sememangnya boleh membantu Kerajaan. Selagi jurang ini masih belum tertutup, selama itulah, kita akan kesukaran dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

5.42 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah di atas perlantikan tuan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya juga turut menyokong usul menyebarkan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda.

Saya juga mengambil kesempatan ini menyampaikan penghargaan di atas usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang telah memberi kesan yang berguna kepada rakyat. Ini terbukti dengan kemenangan yang cemerlang yang didapati dalam pilihanraya yang sudah. Bagaimanapun dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, rupa-rupanya mungkin dengan tidak disedari oleh pihak yang tertentu, beberapa kepincangan telah didapati. Setengah daripada kepincangan ini telah mengakibatkan penderitaan dan kepeghitan hidup kepada rakyat.

Yang pertama, ialah tuan-tuan tanah di mana tanah mereka telah diambil oleh Kerajaan untuk projek-projek yang tertentu. Memang benar bayaran ganti rugi telah dibuat kepada mereka tersebut, tetapi dengan adanya undang-undang iaitu Undang-undang Pengambilan Tanah (Land Acquisition Act) maka bayaran ganti rugi berdasarkan kepada nilai tanah waktu notis pengambilan dikeluarkan dan bukan nilai waktu pengambilan dibuat dan ini lazimnya satu atau dua tahun semenjak notis dikeluarkan. Dan akhirnya harga tanah sudah melambung naik; tuan-tuan tanah yang terlibat dan tidak puas hati dengan bayaran ganti rugi mungkin boleh membuat rayuan kepada mahkamah, tetapi hendak pergi ke mahkamah terlalu jauh dan tangangnya terlalu mahal. Jadi untuk mengatasi kepincangan ini undang-undang mestilah dipinda supaya bayaran ganti rugi mesti dibayar mengikut nilai tanah waktu pengambilan.

Kepincangan yang kedua terlibat mereka yang mempunyai Tanah Simpanan Melayu. Kalau dahulu mereka ini tidak tahu atau tidak mahu atau tidak berani, atau tidak boleh menggunakan tanah-tanah mereka untuk dicagarkan kepada bank-bank untuk mencari modal, tetapi sekarang dengan adanya Dasar Ekonomi Baru maka mereka ini sudah berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan menggunakan tanah mereka untuk mencari modal. Malangnya, undang-undang baharu telah dikeluarkan di mana pelaksanaan surat-cara pemindahan milik atau gadaian iaitu attestation of transfer document hendaklah dibuat di hadapan Pemungut Hasil Tanah pada hal kerja ini sudah berabad-abad dilakukan oleh peguam. Yang saya katakan kepincangan ialah dengan adanya undang-undang baharu ini masalah besar telah timbul kepada tuan-tuan tanah tersebut. Masalahnya ialah siapakah yang hendak menyiapkan semua surat-cara surat-cara, terutama gadaian yang melibatkan undang-undang yang teknikal yang saya percaya Pemungut Hasil Tanah tidak sanggup menghadapinya. Ianya juga telah melibatkan dua kuasa besar, iaitu Manager Bank yang hendak memberi wang yang tidak sanggup membuang masa kerjanya untuk pergi menandatangani di hadapan Pemungut Hasil Tanah dan Pemungut Hasil Tanah sendiri yang tidak sanggup pergi ke pejabat Manager Bank untuk menyaksikan tandatangan tersebut. Akibatnya ialah legal ping-pong. Untuk mengelakkan masalah ini demi kepentingan rakyat, undang-undang mestilah dibubarkan dan jika ada penyelewengan di mana-mana pihak, tindakan yang tegas boleh diambil. Kalau penyelewengan ini dilakukan oleh peguam, maka Majlis Peguam hendaklah dilaporkan. Jadi rupa-rupanya dalam keadaan pembangunan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ada juga golongan rakyat yang menerima kesulitan dan penderitaan jauh sekali menikmati faedah dari Dasar Ekonomi Baru.

Kepincangan ketiga terdapat di Bahagian MARA, khasnya Bahagian Kenderaan Bas MARA. Kenderaan Bas MARA boleh dilihat di merata-rata tempat di Semenanjung Malaysia dan mungkin akhirnya kenderaan-kenderaan ini akan diserahkan kepada bumiputra. Ini memanglah wajar dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru menggalakkan kaum bumiputra dalam bidang pengangkutan

dan kenderaan. Tetapi yang menjadi tandatanya mengapakah kenderaan bas MARA suka benar merayau-rayau dan merayap-rayap di lorong-lorong gelap di jalan-jalan yang sempit, buruk dan berliku-liku dan berlokap-lokap pada hal banyak lagi jalan-jalan yang besar, lurus dan cantik-cantik. Jalan-jalan besar dan cantik ini senentiasa memerlukan perkhidmatan bas. Mengapa pula kuah yang diambil dan daging ditinggalkan? Dari itu, saya harap Kementerian yang berkenaan mengkaji semula dasarnya supaya jangan apabila kenderaan-kenderaan ini diserahkan kepada bumiputra, kenderaan ini cuma layak untuk dijadikan scrap metal dan saya harap janganlah memberi tongkat yang reput kepada orang yang cacat. Kepincangan yang keempat ialah dasar Kerajaan memberi taraf perintis kepada gergasi-gergasi. Mengapakah Keistimewaan ataupun cuti cukai (tax holiday) ini tidak dihulurkan kepada peniaga-peniaga dan pemborong-pemborong kecil dan ini ialah sebagai satu incentive dan ini juga selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, menggalakkan Bumiputra mencebur diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah diperkatakan tentang tenaga buruh dan pelabur-pelabur modal supaya mendirikan kilang-kilang mereka supaya dapat memberi pekerjaan kepada belia-belia kita. Tetapi madaikah dengan belia-belia kita menjadi pekerja-pekerja di kilang dan perkakas kepada pelabur-pelabur modal atau madaikah belia-belia kita menjadi pemukul-pemukul kompiang untuk menyambut Menteri-menteri atau Pembesar-pembesar atau menari-nari di hadapan pelancung-pelancung. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan di antara yang berlaku di antara belia dan satu makhluk lagi iaitu kerbau. Saya ingin menceritakan hal ini sebab saya datang dari kawasan di mana banyak penanam-penanam padi. Kalau kita bandingkan kerbau daripada pagi sehinggalah petang untuk menenggalah tanah dan hasilnya dapat kepada tuan, apa yang diberi kepada kerbau itu ialah seguni rumput, bagi pihak yang satu lagi ada kaum belia yang bekerja daripada pagi sehinggalah ke petang upahnya ialah cuma \$3 sehari. Bukanlah maksud saya memperkecil-kecilkan belia yang bekerja buruh di kilang-kilang. Apa yang saya tidak setuju ialah kita sendiri yang memberi segala-galanya untuk mereka menjadi begitu

sehingga ada kalanya kita juga memperlawakan pemodal-pemodal supaya datang membuat kilang-kilang mereka di kawasan kita sendiri serta memberi jaminan yang tenaga buruh yang murah akan disediakan. Pada himmah saya ini bukan dasar tujuan atau spirit Dasar Ekonomi Baru, sebaliknya jurang perbezaan di antara yang ada yang tidak berada akan bertambah.

Sebagai satu bahan untuk renungan kita semua, saya ingin memberi satu contoh iaitu di Pulau Pinang, iaitu Syarikat Robert Bosch Malaysia Sendirian Berhad. Pekerja dagang jumlahnya ialah 6 orang tetapi gaji yang dibolotnya ialah \$80,000. Pekerja tempatan ialah 115 orang, padahal gaji yang dapat ialah \$48,000. Pada keseluruhannya terutama sekali di Pulau Pinang pekerja asing yang merupakan 1.4% membolot gaji 15.4%.

Belia sekarang bukan lagi menjadi sebahagian dari tenaga kerja, tetapi belia sekarang sudah menjadi "the force". Jadi dukacita benarlah jika "the force" ini digunakan untuk memewahkan orang lain. Saya menyeru kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya ambil perhatian berat dalam masaalah ini dan mengadakan satu rancangan di mana tenaga belia dapat digunakan untuk kepentingan belia sendiri. Selagi perkara ini tidak diatasi, maka eloklah diketepikan dahulu sementara kegiatan-kegiatan dalam bidang sukan dan kebudayaan seperti "joget lambak".

Saya ambil kesempatan ini untuk memperkenalkan kawasan saya kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kawasan Permatang Pauh di Negeri Pulau Pinang. Di Negeri Pulau Pinang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pembangunan sedang dijalankan dengan pesat. Pantai-pantainya yang cantik sungguhpun sekarang sudah dinodai oleh hotel-hotel yang besar, tetapi malangnya dalam suasana begitu ada juga, terutama sekali di kawasan saya sendiri rakyat yang masih belum ada air paip, lampu elektrik dan jalan yang sempurna. Murid-murid terpaksa berjalan berbatu-batu untuk pergi ke sekolah di atas batas-batas bendang, membaca buku dengan menggunakan lampu minyak tanah, minum air bendang dan membuang najis di parit, sehingga hendak membawa mayat ke kubur pun menjadi satu masaalah yang besar, kerana tidak ada jalan untuk mengusung mayat. Jadi saya merayu kepada

Kerajaan apalah kiranya nikmat yang didapati dari perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua dapat dihulurkan kepada penduduk-penduduk di kawasan saya. Kami cuma meminta basic needs iaitu keperluan asas iaitu tempat duduk yang ada bekalan dengan lampu elektrik, air paip dan jalan yang sempurna. Saya yakin dan percaya yang Kerajaan sekarang yang ber-action-orientated tidak lupa kepada penduduk-penduduk di kawasan saya, dan oleh sebab tidak ada seorang Menteri dari Pulau Pinang dalam Kabinet action-orientated, saya menyeru dan memperlawakan sudilah datang ke tempat kami sekali-sekala supaya kami tidak merasa yang kami telah dilupakan

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat!

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Dan lawatan begitu akan membolehkan Menteri-menteri melihat dengan dekat kesulitan yang dihadapi, dan pada fikiran saya ini lebih berfaedah dari menulis berkajang-kajang rayuan. Terima kasih.

5.52 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bersama menyampaikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ucapan tahniah dan terima kasih atas Ucapan Titah Baginda. Saya mohon izin mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Timbalan Yang di-Pertua atas lantikan mereka itu.

Kami Ahli-ahli baru yang kurang berpengalaman, maka kami mengharapkan belas kasihan dan kesabaran Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Albert Mah: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in his Royal Address, His Majesty informed this House of the vigorous challenges in the social and economic fields in the years ahead, and that the Government is taking steps to lessen the effect of stagflation on our people. I sincerely hope the various Ministries responsible will implement promptly the measures that the Government has planned. The normal ways and means of

implementing these measures are not likely to succeed as stagflation is a world-wide phenomenon. It needs the efforts of every citizen if the measures which the Government has planned are to succeed.

I would fail in my duty to my constituents if I made no mention here of the frustration and disappointment the much publicised incident of missing voters brought about through the negligence of the Election Commission. Nothing would be achieved now in flogging this issue further. Positive steps are now being taken to restore those whose names have been left out from the electoral rolls. Arrangements must be made to register voters all the year round. I would suggest that suitable persons such as Postmasters, etc. be appointed as Assistant Registration Officers. If this is done, voters could register their names at the post office or at similar convenient establishments. I would ask of our citizens who have failed to vote for their understanding and tolerance. We know their eagerness to vote for the Barisan Nasional. The thirty-day period for registration of new voters is insufficient. Let us not repeat the same error again.

The recession we are facing would hit the bulk of our people. These are the workers, farmers, fishermen, and the man-in-the-street. To these people, their basic need is food and other essential commodities. A national drive to grow more food must be mounted. Government must actively promote the "grow-more-food" drive and provide fertilisers for the people. Land must be made easily available. We must encourage our people to grow more food in pots and pans and in the gardens and in any vacant land that is available. With these two gigantic efforts by the people and the Government, we can make sure that we have sufficient food for the lean years ahead. Our success depends on our inherent strength, moral fibre and willingness to work in a spontaneously co-operative spirit. At the moment it appears to me that there is not much cohesion between the masses and the Government in the grow-more-food campaign.

It is gratifying to note that our country is blessed with petroleum and natural gas of quality and quantity. We have promptly established PETRONAS, to own and control all matters relating to oil.

From production to marketing, I am glad to note that it is the intention of the Government that all the people would get the full benefit. The Government has insisted that new industries carry with them 30 per cent bumiputra participation. This principle has been accepted by the people. Petroleum and natural gas is a new industry. Will the Government advocate applying the principle of reserving a portion of the benefits of these newfound resources for the non-bumiputras? I would strongly advocate such a policy to allay the fears of the non-bumiputras, so that they are not being left out in the new and big economic cake. The aim of the Government is to give social equality and provide economic opportunity for the common people. We should not be concerned only in our objectives but in our methods, not only in what we achieve but how we achieve it.

My former colleagues in the Police Force are deeply touched by the interest shown by His Majesty in ensuring that more houses are built for them. In times of crisis, our Police di-Raja were never found wanting. They are a tolerant lot, always ready to serve our nation. They are poorly dressed and housed. The salaries for the rank and file are far too low. They could hardly make both ends meet. Their working hours are long and their duties onerous. We must provide them with better housing, better salary, training and welfare. In the case of those who have made the supreme sacrifice while performing their duties, their dependants should be better cared for, for no money or other earthly material could replace their loss.

On the question of public housing for the low income group, I draw the attention of the Government to the urgent need to launch a huge housing scheme, based not on economic viability but one of subsidising. The Alliance Government has been in power since independence. The number of low-cost houses they have built has never matched the demand in any degree. This has resulted in squatters springing up in greater numbers in the urban areas. There is an acute shortage of low-cost houses. The present situation will become worse unless we are able to build houses speedily enough to cope with the demand or we face a situation where the people would defy the Government and build shacks in vacant lots as is happening in Kuala Lumpur. The time has come for the

Government to make a firm commitment that low-cost housing is a social commitment of Government. New Villages and Malay kampungs have been neglected by the Government. I strongly support the call of the Honourable Members from Padawan and Besut that the Government must attend to the needs of the rural people.

Many Malaysian parents are perturbed about the education policy of our Government. The parents are not happy, the teachers are frustrated and the children bewildered. This state of affairs must be rectified immediately. A Cabinet Committee on Education is now established. I sincerely hope that they will work towards a scheme whereby each student can probably call the school his own, no matter how humble the school building may be. Sharing of school buildings creates frustration for headmasters, teachers and students alike. This is not conducive to good education.

There is a tendency on the part of the Government to react too slowly to industrial unrest. This indicates either lack of information or indecision. By and large, our trade unionists are responsible people who have the welfare of the peoples at heart. The months ahead are hard times for all of us. Given tolerance and understanding and if we play our part well, we will pull through with lesser hardships.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia is an earthly paradise. There is enough room for all of us and for many generations to come, provided we go about in a proper way to keep it.

6.08 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong usul yang ada di hadapan Dewan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah disebutkan di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Masaalah yang sangat menarik perhatian saya dalam ucapan ini, ialah kenyataan berkenaan dengan pilihanraya yang baru beberapa bulan yang lepas. Dalam Titah Ucapan ini telah disebutkan:

“Sukacitalah di sini Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan, terutama Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menyediakan jentera

pilihanraya dan Pasukan Keselamatan yang membolehkan pilihanraya itu berjalan dengan selamatnya.”

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pilihanraya yang baru ini telah diadakan selama 17 hari dan didapati setelah disusun oleh Suruhanjaya Pilihanraya perjalanan pilihanraya ini telah berjalan dengan selamatnya. Jika di bandingkan dengan pilihanraya yang lalu terutama sekali pilihanraya yang diadakan pada tahun 1969, maka pilihanraya 1974 ini mendapat kejayaan yang baik, sungguhpun diadakan pada masa yang pendek dan jika perlu, pada masa yang akan datang Suruhanjaya Pilihanraya ini elok mengkaji semula, patut diadakan masa kempen pilihanraya lebih cepat daripada tahun 1974. Selain daripada Suruhanjaya Pilihanraya Pasukan Keselamatan patut juga kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan kepada pemimpin-pemimpin parti politik yang telah mengawal pilihanraya dan memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan Pasukan Keselamatan. Selain daripada itu kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakyat yang bertanggungjawab sebagai pengundi dan telah keluar mengundi, bolehlah dikatakan pilihanraya pada kali ini rakyat telah keluar hampir 80% bererti rakyat telah menerima cara-cara pilihanraya dan cara-cara menjalankan demokrasi yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita dari semenjak mula diadakan pilihanraya yang lalu.

Keyakinan ini akan bertambah lagi jika sekiranya pilihanraya yang akan datang dapat dikawal dengan sebaik-baiknya lagi, dan saya suka menyentuh di sini jika sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya ini dapat menentukan tempat mengira undi di dalam Kawasan Pilihanraya Parlimen masing-masing, kerana di dalam pilihanraya tahun 1974 ini ada tempat mengira undi telah dikira di dalam kawasan pilihanraya lain kerana menjaga keselamatan. Oleh sebab itu, jika sekiranya pada masa akan datang Suruhanjaya Pilihanraya dan Pasukan Keselamatan dapat berfikir sesuai atau tidak tiap-tiap kawasan pilihanraya Parlimen diadakan tempat mengira undi bagi kawasan-kawasan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan ekonomi, saya suka membaca Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

"Walau bagaimanapun tanda-tanda jelas menunjukkan bahawa seluruh dunia akan terus mengalami kemerosotan ekonomi. Dunia sekarang adalah dipengaruhi oleh aliran yang menuju kepada satu keadaan apa yang dinamakan oleh pakar ekonomi sebagai stagflasi".

Jika sekiranya ayat ini di baca sambil lalu mungkin rakyat merasa takut dengan Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Tetapi kita patut memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Kerajaan kita sekarang dapat mengatasi masalah ini, bukan sahaja dari sejak beberapa tahun yang diperintah atas nama Kerajaan Perikatan, bahkan Kerajaan Barisan Nasional ini akan dapat memerintah dan mengatasi masalah ini dari masa ke semasa dan sanggup akan memerintah terus-menerus negara kita. Oleh itu, hal ini kita jangan terlalu harap sangat kepada Kerajaan sahaja untuk mengatasi stagflasi ini. Maka diharap sangat-sangat selain daripada Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan mestilah memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan bagaimana cara-cara mengatasi hal-hal ini. Selain daripada itu, rakyat juga patut mencari ikhtiar bagaimana hendak mengatasi masalah ini, dan selain daripada itu pihak swasta pula patut tidak ketinggalan untuk mencari jalan mengatasi masalah ini. Misalnya, sebagai contoh jika sekiranya pihak swasta dapat mengadakan makanan kepada pekerja-pekerjanya dengan bayaran murah patut diadakan daripada sekarang.

Pihak pegawai-pegawai Kerajaan patut menasihatkan cara-cara hendak membaiki ekonomi rakyat terutama sekali di luar-luar bandar. Stagflasi ini akan terasa kepada rakyat di luar bandar, yang hidup sebagai pekebun-pekebun kecil yakni mempunyai kebun-kebun getah kehidupan mereka terlalu sempit kerana harga getah murah. Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan diadakan pula perundingan di antara Kerajaan di dalam ASEAN supaya harga getah naik, maka pegawai-pegawai Kerajaan dan rakyat patut mencari jalan supaya pekebun-pekebun kecil ini dapat mengubahkan cara hidup mereka kepada yang lebih baik lagi kepada yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah buruh. Masalah buruh ini telah diperkatakan beberapa kali di dalam Dewan dan juga di luar Dewan. Oleh sebab itu, masalah buruh ini masalah penting dan sudah pun dirasai di kawasan-kawasan industri di negara kita pada masa ini. Ada setengah-setengah kilang sedang mengurangkan tenaga yakni membuang pekerja-pekerjanya secara beransur-ansur dan akan tinggalah pekerja-pekerja yang tidak ramai lagi kerana kekurangan pengeluaran daripada kilang-kilang tersebut.

Selain daripada itu, cara-cara hendak mengatasi masalah buruh yang ada sekarang ini ialah sebagai satu contoh pekerja-pekerja wanita yang ada di kilang-kilang ini kadang-kadang mereka ini terpaksa bekerja pada waktu malam dan ini sangat merumitkan jika pekerja-pekerja ini yang datang daripada luar bandar sejauh kadang-kadang sehingga 8 batu. Oleh sebab pekerja-pekerja ini terpaksa berulang alik sebelum pukul 11.00 malam datang ke kilang ataupun pada pukul 11.00 malam ke atas balik daripada kilang, ini sangat menyusahkan ibu bapa dan akan merumitkan lagi jika perjalanan ini tergendala di dalam perjalanan. Oleh sebab itu, eloklah pihak Kerajaan jika bersetuju gadis-gadis yang bekerja pada sebelah malam khasnya dapat diubah bekerja pada sebelah siangnya.

Suka saya menyentuh mengenai masalah pelajaran. Pelajaran yang sedang disusun pada masa ini untuk mengatasi masalah-masalah yang ada di negara kita ini, saya suka mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan kepada Kerajaan kita yang memandang berat di atas hal ini. Yang Berhormat Menteri Pelajaran pernah memberi ucapannya di Ipoh mengatakan Kementeriannya sedang memandang berat kepada sekolah-sekolah di luar bandar untuk dibangun semula sebagai sekolah-sekolah di dalam bandar. Oleh sebab itu, hal ini patutlah Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengambil daya-utama supaya sekolah-sekolah yang ada di luar bandar yang sudah suatu masa dahulu dianggap sebagai sekolah-sekolah atap sahaja dapat dibangunkan semula secara beransur-ansur dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang selalu ditimbulkan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran ialah masalah gaji guru-guru. Masalah jawatan Guru Besar dan

masaalah-masaalah yang lain yang bersangkutan dengan guru-guru sekolah pada masa sekarang ini. Saya merasa yakin dengan Kerajaan yang ada sekarang ini dapat mengatasinya. Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang ada pada masa ini ialah seorang yang banyak pengalaman, dapat mengatasi masalah ini dari masa ke semasa supaya sungutan daripada guru-guru ini dapat berkurangan. Mudah-mudahan dalam masa beberapa tahun sahaja lagi masalah ini tidak dijadikan masaalah-masaalah negara seperti pada masa sekarang ini.

6.20 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang usul yang dikemukakan oleh Wakil dari Padawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Parti saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua kerana telah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua dan Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, a year ago, we were told in this House that the Nation's number one problem was inflation. Reassurances were given that the Government would leave no stone unturned to tackle inflation and keep it under control. A year has since passed but the inflation rages on; and although the rate of inflation may have slowed down somewhat, there is still a steady and uncomfortable rise. Food prices especially have continued to climb steeply. The recent price increase by ten cents for a kati of sugar is a glaring example. This is going to affect the poor and low income group severely. Essential food like milk powder, for example, has also increased in price and is becoming scarce on the market as well; so also have domestic goods, like washing soap, gone up by 25% and sometimes even by 50%.

Also, I was told, only a few days ago, by dealers of petrol pumps that they are getting insufficient supplies of petrol from the oil companies. This is a very strange thing that has happened. The Arabs have not put an embargo on the supply of oil, neither have they put up an increase in the price. Why then is there such a short supply of petrol to our petrol dealers in petrol pumps? Surely,

the Ministry concerned or the PETRONAS Chief should look into this matter and appoint a Committee to inquire as to why oil companies should restrict the supplies of petrol to the petrol dealers.

Then, again, there is the question of cement. A promise was made a few months ago in the last Parliament that cement would have a ceiling price of \$5.70 per bag. But since then cement in the open market, especially to the small contractors, costs about \$8.50 per bag. Now, Mr Speaker, Sir, we were told last time that there had been a special committee set up on consumer goods—the Consumer Advisory Council—and yet today we see prices going up. What is happening? Surely something must be done about these things, Tuan Yang di-Pertua.

Inflation by itself is a bad enough problem as it is, but the people are told in the Royal Address that inflation has been replaced by stagflation. Last year, when inflation raged in the country, our commodities like rubber, timber and tin enjoyed high prices in the world market. Today the demand has dropped and so has the boom. Thousands have been laid off in the timber industry and the electronic industry. Inflation, recession and employment—a combination of the most devilish nature—are the problems which the nation must face and find solutions.

The task will not be easy. As a matter of fact, in other countries, Governments have fallen because of public resentment against inflation. I must admit that the Honourable Prime Minister has timed the last General Elections quite well, for if it had been held, say, in 1975 or 1976 the whole outcome of the election might have been quite different.

Next week, the Finance Minister is expected to announce a series of fiscal and monetary measures to counter stagflation. But such moves by themselves will not be sufficient. The whole nation will have to be rallied round now, to be mobilised, to be marshalled to fight off this new threat. All the energies of the people will have to be concentrated on the vital objective of keeping food prices down, getting the factories going, getting the natural resources going, and also reducing unemployment to the minimum. To be able to mobilise the full potential of the people, the Government must first create the proper atmosphere of stability and unity

through political measures such as political fairness and justice and social and economic justice.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Prime Minister has won a fresh mandate from the people to govern for the next five years. His Coalition has come in with a large majority, and with this power in the Government's hands, and guided by the proper policies, great steps towards political and economic progress can be made. Unfortunately, certain moves by the Government have cast doubts as to whether the Government is leading the country to new and better directions.

For example, the sudden and arbitrary arrest and detention of the Honourable Datuk James Wong, a Council Negri Member in Sarawak and the Deputy Chairman of SNAP, is an example of the type of politics which is usually found in dictator States, but, unfortunately, it is also happening in our country. The man-in-the-street finds it difficult to believe that Datuk James Wong is anti-national or has acted unconstitutionally.

Tuan Yang di-Pertua, the easy going approach to the problem of more than a quarter million of disenfranchised voters, cut off from the Register of Voters and also the non-registration of many more eligible voters, and people who have come of age, this easy-going approach of the Government by not appointing a Special Commission of Inquiry, is to be deplored. Here, where fundamental rights of the people are involved and as a matter of such vital importance, surely it deserves the appointment of an independent Commission to investigate the whole matter—to find out the causes and never to have such a repetition of the fiasco of the 1974 General Elections.

While admittedly there is multi-racial line-up in the Cabinet, the people note that the key Ministerial posts lack a multi-racial character. Both the people in this country and other countries must be able to see that there is a truly Malaysian Government at the helm of a multi-racial country like ours.

Mr Speaker, Sir, at least one Minister has hinted that there is no need for an Opposition in this country because there are sufficient checks and balances in the enlarged Barisan Nasional. This, to my mind, is a dangerous thought. For it means that there is a school of thought in the National Front Party which wants a one party State or totalitarianism or authoritarianism, call it what you like.

Mr Speaker, Sir, Parliamentary democracy is essential for stability in this country. Surely, the Government knows this and it should encourage a democratic Opposition to grow and develop. Recently, the Honourable Minister of Primary Industries returned from Australia and New Zealand and he reported that the people there have a poor image of Malaysia, that they have an image that the Government here is a repressive Government. Surely, such actions as the arrest of the Honourable Datuk James Wong and also the utterances that there is no need for a two party system in this country would add more to this image of a repressive Government; and to avoid this. I am sure the Government will not hesitate to forbid any more utterances that there should only be a One-Party State.

Then, again, there were the charges by the Honourable Member for Telok Kemang that the D.A.P. during the General Elections played racial politics. Well, he is quite free to make allegations, and in an election campaign things can happen and things can be interpreted in a wrong way, but I can say here that the D.A.P. is a multi-racial party and it stands for multi-racial policies. Surely, the Honourable Member for Telok Kemang will not object to a party which stands for multi-racialism. Since he himself is associated with a party which supports the rights of the Malays and which calls for Malays to have better economic equality in this country, he will not deny us the right to say that instead of encouraging only a certain class of Malays to be rich businessmen, instead of only encouraging an entrepreneur class among the Malays, surely we must also encourage the Malays in the

kampungs, in the towns and also in the cities to have a better and fairer share of this country's wealth?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Ahli Yang Berhormat?

Dr Chen Man Hin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, Ahli Yang Berhormat boleh menyambung selama lima minit pada hari Isnin. Ahli Yang Berhormat sudah bercakap sepuluh minit tadi.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 11hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.